

**Bil. 24**

**Rabu  
30 Ogos 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995

(Ruangan 17)

Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas  
Perajurit (Pindaan) 1995

(Ruangan 52)

## **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. 1, D.U.K., S.S.D.K., S.A.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

30 OGOS 1995

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- ” Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- ” Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSSA, S.I.M.P. (Peringat).
- ” Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- ” Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- ” Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- ” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- ” Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- ” Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN, (Kinabatangan).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.C.D.K., J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

30 OGOS 1995

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim—Bandar Baru).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasik Gelugor).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).

30 OGOS 1995

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- ” TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

30 OGOS 1995

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).  
" TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).  
" DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).  
" DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).  
" DATO' ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).  
" TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).  
" TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).  
" TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).  
" TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).  
" DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).  
" PUAN AINON KHARIYAH BINTI MOHD. ABAS, (Parit).  
" TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).  
" DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).  
" TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).  
" TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).  
" TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).  
" TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).  
" TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).  
" CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).  
" TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).  
" TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).  
" DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).  
" PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).  
" TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)  
" TUAN FU AH KIW (Mentakab).  
" TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).  
" DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).  
" TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).  
" TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).  
" TUAN HEW SEE TONG (Kampar).  
" TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).  
" DATO' HON CHOON KIM (Seremban).  
" TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).  
" TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).  
" TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

30 OGOS 1995

Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- " DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI (Bandau).
- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).

30 OGOS 1995

- Yang Berhormat TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P, P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHIEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- " DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).

30 OGOS 1995

Yang Berhormat TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).

- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

30 OGOS 1995

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah
- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
- Hajah Supiah binti Dewak.
- Ismail bin Haji Hassan.
- Hajah Kalsom binti Ghazali.
- Mohamed bin Osman.
- Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
- Zaharah binti Naim.
- Norwahidah binti Azizi.
- Rozita binti Abd. Samad.
- Jainah binti Sakimin.
- Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.

30 OGOS 1995

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 30hb Ogos, 1995

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### INDUSTRI PELANCONGAN— SIKAP POSITIF TERHADAP PELANCONG

1. **Tuan Hashim bin Ismail** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mendidik rakyat khususnya mereka yang terlibat secara langsung dengan industri pelancongan seperti pemandu teksi, kakitangan sistem penerbangan, kakitangan kastam dan lain-lain supaya bersikap lebih positif terhadap pelancong, menghormati mereka dan menganggap mereka sebagai sumber pendapatan negara yang penting.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan yang di-Pertua, di dalam aspek mewujudkan sikap positif rakyat khususnya 'frontliners', dengan izin, iaitu mereka yang terlibat secara langsung di dalam industri pelancongan seperti pemandu teksi, kakitangan kastam dan lain-lain, kementerian telah mengatur

dan menjalankan berbagai usaha, antaranya:

- (i) mengadakan kerjasama dengan radio, televisyen, akhbar, majalah dan lain-lain media untuk menyiarkan maklumat, rencana-rencana yang berkaitan dengan pelancongan bagi tujuan untuk memberi kesedaran dan meluaskan pengetahuan/pemahaman orang ramai terhadap Industri Pelancongan dan kebaikannya sebagai suatu sumber ekonomi negara dan rakyat;
- (ii) mengadakan kursus-kursus untuk 'frontliners' iaitu mereka yang terlibat secara langsung sebagai kakitangan hadapan di dalam industri pelancongan seperti kursus-kursus 'kesopanan' bagi tujuan mendidik dan meningkatkan mutu perkhidmatan mereka; dan
- (iii) mengadakan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan agensi-agensi pelancongan dan pemandu-pemandu pelancong mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan membuat kajian berhubung dengan maklum balas yang diterima daripada pelancong-pelancong berhubung dengan rungutan-rungutan dan komen-komen daripada pelancong-pelancong

yang melawat negara ini. Kalau ada, apakah masalah-masalah utama yang dibangkitkan oleh pelancong-pelancong berhubung dengan komen-komen yang dibuat oleh mereka.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, dari maklum balas yang didapati oleh kementerian dari pelancong-pelancong yang mengunjungi negara kita, kebanyakannya adalah komen-komen yang baik. Dalam pakej-pakej pelancongan, mereka memberitahu bahawa melancong ke negara kita adalah murah, berpatutan dan bernilai.

Walau bagaimanapun, ada juga didapati komen-komen yang mana kita terpaksa mengambil tindakan. Ada di antara pelancong yang mengadu sendiri bahawa mereka seolah-olah tertipu. Misalannya, satu pengaduan yang kita dapat daripada seorang pelancong dari negara jiran tetangga kita, beliau mengadu bahawa beliau telah dikenakan bayaran begitu mahal untuk seekor ikan di Langkawi bagi masakan secara Tionghua dikenakan RM80 dan kepada pelancong ini harga itu tidak munasabah memandangkan keadaan tempat atau pun kedai makan yang beliau pergi itu. Maka, kementerian mengambil tindakan dan memandang berat tentang perkara ini.

Keduanya sebagai contoh, seorang pelancong luar negeri telah dipujuk rayu untuk pergi menggunting rambut di salah sebuah pusat membeli-belah di Kuala Lumpur. Dengan memberi khidmat tidak lebih daripada 5 minit, beliau telah dikenakan bayaran RM50.

Ada juga komen-komen lain, seperti layanan yang tidak baik oleh agensi-agensi pelancongan dan salah laku pemandu-pemandu pelancong. Untuk maklumat Dewan ini, kita mengenakan kompaun dan membawa ke mahkamah kepada agensi-

agensi pelancongan atau pemandu-pemandu pelancongan yang membuat kesalahan dan dapat kita buktikan kesalahan-kesalahan itu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah rasionalnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengeneppikan syarat pemandu pelancong bagi bas-bas persiaran. Sebahagian daripada bas-bas persiaran dikecualikan daripada pemandu pelancong apabila bas-bas berkenaan beroperasi. Ke arah untuk menggalakkan pelancong memahami keadaan negara kita, apakah juga langkah kementerian beliau untuk mendidik pemandu-pemandu teksi yang memegang lesen-lesen vokasional PSV melalui Jabatan Pengangkutan Jalan. Adakah perundingan dibuat di antara kementerian dengan JPJ untuk memasukkan salah satu faktor sejarah tentang negara Malaysia ke arah supaya pemandu-pemandu ini bertindak sebagai duta kecil kepada negara kita.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan, mengikut Akta Pelancongan bahawa setiap bas pelancongan mesti mempunyai seorang pemandu pelancong. Kalau misalannya tidak ada pemandu pelancong, maka di situ boleh dikenakan kompaun terhadap agen pelancongan itu. Sebenarnya, memang tidak benar bahawa kementerian telah melonggarkan dalam hal ini. Malah kita mahu setiap bas pelancongan mestilah disertai oleh pemandu yang berlesen. Kalau tidak berlesen pun, kalau didapati berlaku, kita boleh juga mengambil tindakan. Misalannya sebagai contoh, kepada agensi pelancong, tahun 1994 sahaja kita mengambil tindakan ke atas sebanyak 533 buah syarikat, dan pemandu pelancong 228 orang, termasuklah kesalahan-kesalahan dalam perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Dewan ini juga bahawa dalam jawapan yang asal tadi, kita memang mengadakan kursus-kursus untuk 'frontliners' ini termasuk pemandu-pemandu teksi. Tetapi memanglah mustahil untuk Kementerian hendak memberi kursus kepada semua pemandu teksi. Kalau boleh saya sebutkan, misalnya dalam tahun 1993 saya ada perangkaan di sini, kita mengadakan 24 buah kursus untuk frontliners kita. Tahun 1994, kita mengadakan lebih daripada 10 kali kursus. Tahun 1995 kita akan mengadakan kursus-kursus yang sama juga di semua negeri.

#### **RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN— KONSEP**

**2. Tuan Haji Husni bin Hanadzlah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang konsep pelan susun atur yang disediakan oleh perancang bandar dan desa bagi Rancangan Perkampungan Tersusun ("RPT") dan Kampung Baru Cina ("KBC"):

- (a) adalah didapati terdapat perbezaan yang ketara di antara pelan ke susun atur RPT dan KBC. Bagi KBC, penekanan adalah ke atas kawasan komersil, di mana jalan masuk (jalan utama) ke KBC di bangunkan sebagai kawasan komersil; manakala bagi RPT jalan masuk dikhaskan sebagai kawasan kediaman, dan kawasan komersil diletak di satu sudut penjuru RPT. Pelan susun atur yang digunakan untuk RPT gagal mewujudkan kawasan komersil yang dinamik kerana lokasi yang tidak strategik. Mengapakah terdapat 'double standard' tersebut; dan

- (b) apakah pendekatan baru yang akan diperkenalkan dalam penyediaan pelan susun atur RPT bagi masa akan datang terutama ke arah melahir dan mewujudkan masyarakat bersepadu dan dinamik.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, perbezaan pelan-pelan susun atur antara Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) dan kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai Kampung Baru Cina adalah berasaskan kepada kesesuaian cara hidup serta keperluan penduduk sendiri yang berbeza di antara dua jenis perkampungan ini. Kampung Baru Cina yang wujud telah pun mempunyai komponen-komponen komersil yang merupakan nadi atau pusat bagi kampung berkenaan. Justeru itu, apabila perancangan penyusunan semua kampung tersebut dibuat, komponen komersil ini dikekalkan sebagai pusatnya. Sebaliknya di kampung tradisional, nadinya adalah berasaskan pertanian dan komponen komersil hanya merupakan kemudahan sampingan.

Namun demikian, bagi RPT yang mempunyai potensi komersil yang lebih berdaya maju, maka pelan pembangunan yang dirancang akan disediakan dengan pusat strategik yang lengkap dengan tapak untuk kemudahan komersil dan kemudahan awam.

**Tuan Haji Husni bin Handzlah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagi satu-satu kawasan projek perumahan di satu-satu kawasan kadang-kala terdapat lima hingga enam projek, di mana keluasan bagi satu-satu projek itu adalah dalam lingkungan 10 ekar. Jadi tiap-tiap tapak projek tersebut terdapat kawasan-kawasan rumah kedai tersendiri untuk tiap-

tiap projek. Saya hendak tanya tentang rasional perancangan tersebut, kerana pada saya, dari segi maximization of land utilization, semestinya bagi kawasan-kawasan projek tersebut digabungkan keseluruhannya diadakan satu master plan, dan dalam satu projek sebanyak 10 tapak projek perumahan ini diadakan satu kawasan komersil dan kawasan-kawasan lain dijadikan kawasan perumahan. Bukan 10 kawasan komersil dalam 10 projek yang kecil di situ.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susun atur bagi khasnya Kampung Baru Cina ini diadakan sebab ini diminta oleh pihak Kerajaan Negeri supaya rancangan atau satu penyusunan semula lot-lot di tempatkan di Kampung Baru Cina ini boleh dilakukan dan juga meningkatkan kualiti infrastruktur dan alam persekitaran berkenaan. Oleh sebab itu, maka tidaklah ada masalah bagi masa sekarang atau masa depan sebab Kampung Baru Cina ini memang wujud sebab dalam masa darurat, di masa emergency yang sudah 45 tahun dahulu. Oleh sebab itu, maka cadangan Ahli Yang Berhormat tadi untuk ambil kira pusat-pusat komersil bagi kawasan perumahan baru dan sebagainya, ini memang sedang dipraktikkan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Kita akan ambil kira dalam perancangan-perancangan yang akan datang ini seperti yang saya sebut tadi, di mana perkampungan itu atau kawasan itu adalah sesuai untuk pusat-pusat komersil itu diwujudkan, maka kita akan ambil perhatian perkara itu dan melaksanakan pusat komersil yang memang hendak mengikut piawaian perancangan dan sebagainya.

**Datuk Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan susun

atur di kawasan Kampung Baru Cina, sama ada kementerian akan mengaturkan, membesarkan pusat perniagaan di Kampung-kampung Baru tertentu supaya dapat menaikkan taraf sosioekonomi di kampung tersebut?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ya, memang ada hasrat jikalau sesuatu perancangan semula kawasan tersebut adalah sesuai untuk kita membesar pusat komersil itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Lim Siang Chai.

*(Soalan No. 3—Y.B. Tuan Lim Siang Chai tidak hadir)*

#### CARI-GALI MINYAK— KERJASAMA MALAYSIA— THAILAND

4. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) perkembangan terakhir rancangan kerjasama carigali minyak antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand di perairan Kelantan. Dan bilakah dimulakan perlaksanaan; dan
- (b) faedah-faedah ekonomi dan pembangunan yang boleh diperolehi oleh kerajaan Kelantan dari rancangan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan Kawasan Pembangunan Bersama bagi pihak kedua-dua negara adalah Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (PBBMT) atau Malaysia-

Thailand Joint Authority (MTJA). Badan tersebut yang diperbadankan di bawah Akta PBBMT 1990 telah menandatangani Kontrak Perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Contract - PSC) pada 21hb. April 1994 dengan beberapa kontraktor untuk mencarigali dan mengeksploitasi sumber petroleum di dalam kawasan berkenaan. Berikutan dengan termeterainya kontrak tersebut, usaha-usaha eksplorasi sedang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor di kawasan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah beberapa kajian seismik dan aktiviti carigali dijalankan, sumber gas asli telah dikesani. Anggaran awal rezab gas di kawasan tersebut adalah dalam lingkungan 3-7 Trilion Cubic Feet (TCF). Pada masa ini, syarikat-syarikat usahasama tersebut hanya menumpu kepada pengeluaran gas sahaja dahulu dan bukan minyak seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

- (b) Dari segi faedah yang akan diperolehi oleh kerajaan, di bawah konsep PSC yang berkuatkuasa, sekiranya terdapat hasil pengeluaran dari kawasan berkenaan, maka Kerajaan Pusat kedua-dua negara masing-masing akan memperolehi faedah, antaranya royalti dari pengeluaran kasar kawasan tersebut sebanyak 5%, di samping dividen serta hasil cukai. Memandangkan operasi PBBMT tertumpu di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia, terdapat faedah sampingan yang akan dinikmati oleh negeri-negeri seperti Terengganu dan Kelantan

khususnya dan negara pada amnya. Antara faedah sampingan adalah perkhidmatan bekalan barangan dan perkhidmatan oleh pembekal tempatan kepada kontraktor perkongsian pengeluaran yang terlibat. Bagi negeri Terengganu, Pangkalan Bekalan Kemaman yang merupakan pangkalan utama bagi operasi petroleum digunakan oleh kontraktor PBBMT bagi pengendalian dan bekalan peralatan dan alat kelengkapan operasi tersebut. Bagi Negeri Kelantan pula, PBBMT merancang memusatkan semua operasi pengangkutan helikopter bagi operasinya di Lapangan Terbang Kota Bharu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini syarikat joint venture carigali minyak antara Thailand dan Malaysia ini beribu pejabat di Songkla. Adakah kerajaan bercadang untuk memindahkan ke Kota Bharu atau ke Kuala Terengganu.

Yang kedua, syarikat ini setakat ini bagaimana kedudukan komposisi pekerjaan sama ada melebihi di pihak Thailand ataupun melebihi di pihak Malaysia, komposisi pekerja syarikat joint venture Malaysia/Thailand yang mengendalikan carigali gas ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terutamanya bagi menjawab soalan pertama tadi, itu adalah tidak benar kerana dengan persetujuan Lembaga Pengarah PBBMT dan kedua-dua belah kerajaan, lokasi ibu pejabat PBBMT telah ditetapkan di Kuala Lumpur.

Bagi soalan yang kedua, sememangnya daripada segi struktur organisasi, daripada atas sampailah ke bawah, ianya merupakan pembahagian 50:50. Sebagai contoh,

PBBMT ini dipengerusikan oleh dua orang Pengerusi bersama, satu Thailand dan satu Malaysia dan 12 orang ahli iaitu 6 daripada Kerajaan Thailand dan 6 daripada Kerajaan Malaysia.

Jadi, kita seboleh-bolehnya hendak memastikan bahawa pembahagian pekerjaan ini hendaklah dibahagikan 50:50.

**AKTA PENGALAKAN  
PELABURAN 1986—  
KEBERKESANAN INSENTIF  
CUKAI**

**5. Tuan Zainal Abidin bin Osman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kajian khas dan penilaian dibuat untuk mengetahui keberkesanan insentif cukai yang diberi kepada industri-industri tertentu melalui Akta Penggalakan Pelaburan 1986 setelah sesuatu pindaan undang-undang dilaksanakan. Jika ada, sila nyatakan kesan setiap insentif yang diberi sejak Akta Penggalakan Pelaburan 1986 diwartakan dan tindakan susulan yang telah dan akan diambil. Jika tidak ada, apakah faktor-faktor yang diambil kira di dalam memberi insentif cukai yang setiap tahun nampaknya makin bertambah.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, kajian ke atas insentif-insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 memang ada dijalankan oleh kerajaan dari masa ke semasa supaya insentif itu selaras dengan objektif pembangunan negara dan sistem perdagangan antarabangsa yang menggalakkan perdagangan secara liberal. Matlamat utama kajian ini adalah untuk memastikan sektor perkilangan menjadi lebih cekap dan mempunyai daya saingan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian-kajian tersebut, beberapa insentif baru

diperkenalkan dan insentif-insentif yang kurang berkesan telah ditamatkan. Insentif-insentif baru yang diperkenalkan untuk menggalakkan pelaburan secara terpilih memberi tumpuan kepada pengguna bahan-bahan tempatan, menggalakkan aktiviti atau keluaran yang mempunyai nilai tambah, membangunkan teknologi tempatan dan menggalakkan rantaian-rantaian industri.

Tuan Yang di-Pertua, di antara insentif-insentif yang telah diperkenalkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang menggantikan Akta Insentif Pelaburan 1968 adalah seperti pengurangan pendapatan larasan untuk eksport dan taraf perintis dengan pelepasan cukai selama lima tahun telah diperluaskan kepada syarikat-syarikat tanpa mengira saiz pelaburan modal mereka. Manakala pelepasan penggunaan buruh telah dikeluarkan daripada senarai insentif tersebut.

Di samping itu juga, kerajaan telah menyediakan insentif-insentif lain di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti elaun pelaburan semula, insentif bagi latihan dan insentif bagi penyelidikan dan pembangunan. Insentif-insentif ini mampu mengekalkan iklim pelaburan yang kompetitif di negara. Secara umumnya, kesan-kesan positif daripada insentif-insentif tersebut adalah seperti peningkatan pelaburan asing, peningkatan pelaburan semula, pertumbuhan pelaburan domestik, menggalakkan pertumbuhan aktiviti atau keluaran strategik dan menggalakkan pembangunan seimbangan di antara kawasan atau wilayah.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian itu berapakah peratus kilang-kilang terus beroperasi di Malaysia dan berapa kilang berpindah ke negara lain selepas tempoh insentif cukai itu telah habis?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, angka peratusan itu tiada di sini.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian telah membuat kajian sama ada penarikan GSP, dengan izin, akan mendatangkan kesan negatif terhadap pelaksanaan Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Yang kedua, jika ada kesan negatif, apakah langkah-langkah kementerian untuk membuat ataupun merangka penggalakan pelaburan yang baru terutama di negeri-negeri timur Malaysia.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian atau MITI telah membuat kajian terhadap menarik balik GSP yang diumumkan oleh Amerika Syarikat dan kesan-kesan negatif adalah sedikit sahaja, memandangkan dunia ini telah menuju ke satu keadaan di mana duti-duti import akan dikurangkan dari masa ke semasa sehingga tahun 1998 hampir semua barang yang masuk ke Amerika Syarikat akan dikenakan cukai import 1% atau kurang daripada 1% atau tiada dikenakan duti import. Jadi, kesan negatif ini adalah minimum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh anak Ikeh.

*(Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh tidak hadir)*

**HOSPITAL SIBU—  
KEKURANGAN PAKAR/  
DOKTOR/JURURAWAT**

**7. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) situasi terakhir bagi kekurangan pakar-pakar, doktor-doktor dan jururawat-jururawat di Hospital Umum baru Sibul;

(b) sama ada kerajaan akan menggalakkan 'tabib' (Practitioner) persendirian untuk menggunakan kemudahan-kemudahan hospital umum di bawah peraturan sama seperti Pusat Jantung Negara; dan

(c) sama ada 'corporatisation' hospital kerajaan yang dicadangkan tidak akan menaikkan harga kos perubatan kepada rakyat terutama sekali kepada golongan miskin dan langkah-langkah kerajaan yang dicadangkan akan diambil untuk memastikan perkara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Hospital Sibu mempunyai 11 orang pakar seperti berikut:

1 orang Pakar perubatan

1 orang Pakar Bedah

1 orang Pakar Perbidanan & Sakit Puan

1 orang Pakar Bius

1 orang Pakar Otopidik

1 orang Pakar X-ray

1 orang Pakar Psikiatri

1 orang Pakar Kanak-kanak

1 orang Pakar Mata

1 orang Pakar Kaji Penyakit

1 orang Pakar Telinga, Hidung & Tekak

Pihak Kementerian Kesihatan memang prihatin tentang kedudukan pegawai perubatan di Hospital Sibu di mana doktor-doktor dihantar ke sana

berperingkat-peringkat Mulai 1.1.1995 Hospital Umum SibU telah diberi 61 jawatan baru Jururawat Terlatih dan 31 jawatan baru Jururawat Masyarakat. Dengan tambahan ini, kedudukan jawatan kejururawatan di Hospital SibU adalah seperti berikut:

Peruntukan	Jawatan	Jawatan Diisi
Penyelia Jururawat	1	1
Ketua Jururawat	17	13
Jururawat Terlatih	217	152
Jururawat Masyarakat	108	175
Penolong Jururawat	56	46

- (b) Di bawah konsep Persyarikatan Malaysia, kerajaan menggalakkan perhubungan di antara sektor awam dan swasta. Jika 'tabib' persendirian bermaksud klinik swasta (general practitioner/private hospital), mereka digalakkan menggunakan kemudahan-kemudahan di hospital kerajaan termasuk bilik pembedahan, bilik bersalin dan wad yang tidak digunakan dengan sepenuhnya dengan harga sebanyak RM65 dan RM25 dan kadar caj kelas pertama untuk kegunaan wad.
- (c) Kajian pengkorporatan hospital sedang berjalan. Sebarang keputusan untuk mengkorporatkan hospital kerajaan akan mengambilkira kemampuan dan keupayaan rakyat terutama golongan miskin menanggung kos perkhidmatan.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar pakar-pakar kadang-kadang dipindahkan dari Hospital Umum SibU ke Hospital Umum Kuching kalau ada kekosongan pakar di Hospital Umum Kuching?

Tuan Yang di-Pertua, bilakah hostel (tempat tinggal) untuk ahli keluarga pesakit akan dibina di kawasan Hospital Umum SibU, kerana ahli keluarga pesakit, khasnya dari luar bandar mempunyai banyak kesulitan untuk mencari tempat tinggal yang murah.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, memang biasa bila kekurangan berlaku, untuk mendapatkan perkhidmatan doktor-doktor di hospital yang berdekatan. Oleh kerana Hospital SibU merupakan hospital kedua sebagai hospital 'referer' di negeri Sarawak, maka kekurangan hospital pakar yang berlaku di Hospital Kuching merupakan kerjasama yang berlaku di antara dua buah Hospital. Jika kekurangan berlaku di Hospital Kuching, bermakna keperluan pakar itu terpaksa dihantar ke Kuching dan jika berlaku kekurangan di Hospital SibU, keperluan pakar juga diminta daripada Hospital Kuching untuk datang ke SibU.

Berkenaan dengan bilakah satu hostel atau tempat kediaman untuk membolehkan keluarga pesakit dapat ditempatkan, ini adalah dalam perancangan dan diambil perhatian oleh pihak hospital di SibU.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masih terdapat hospital-hospital di luar bandar yang tidak ada langsung doktor-doktor pakar, maka adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu dasar bagi memastikan setiap hospital di negara ini sekurang-kurangnya akan ditempatkan dengan seorang pakar.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Sebenarnya pihak kementerian menyedari tentang kekurangan doktor di hospital-hospital pakar. Memanglah hasrat kementerian untuk mengisi kekosongan yang berlaku dan untuk mengatasi masalah dari segi jangka pendek, pakar-pakar yang akan dilantik secara kontrak akan dilaksanakan.

**RANCANGAN TERBITAN RTM—  
KUOTA KEPADA SYARIKAT  
SWASTA**

**8. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Penerangan menyatakan jumlah syarikat-syarikat swasta terbabit membuat rancangan drama swasta dan lain-lain program di RTM yang ditayangkan dalam tempoh Jun 1994 hingga Jun 1995. Sila nyatakan juga:

- (a) sama ada tiap-tiap syarikat swasta ini diberikan kuota bagi rancangan untuk terbitan RTM;
- (b) jumlah syarikat-syarikat swasta milik bukan bumiputera yang telah diterima rancangan terbitan mereka oleh RTM.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Tiap-tiap syarikat swasta tidak diberikan kuota bagi menerbitkan rancangan untuk RTM.
- (b) Jumlah syarikat swasta bukan bumiputera yang telah diterima menerbitkan rancangan untuk RTM adalah sebanyak 21 buah.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memohon agar sahabat saya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi penjelasan sama ada dakwaan sesetengah syarikat swasta menerima bayaran lewat, late payment, dengan izin, dalam satu rancangan yang mereka terbitkan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli dari Libaran, sepatutnya rakan saya boleh bertanya di luar Dewan, bukan di dalam Dewan kerana maklumat ini boleh disampaikan. Namun demikian,

untuk menjawab soalan ini—memang ada rungutan daripada pihak-pihak penerbit rancangan-rancangan drama ini, kerana bilamana mereka membuat drama itu, dia mengambil kira proses pinjaman dari bank, sehinggalah proses itu dikendalikan ke peringkat pentadbiran.

Memang ada kelewatan sedikit tentang pembayaran ini, namun demikian, kita cuba mengatasi masalah ini.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Tuan Liew Ah Kim:** Apa bising sangat? Soalan tambahan—adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju tahap ataupun standard untuk sumbangan drama yang tidak mencapai satu matlamat yang memuaskan untuk rakyat jelata di tanahair kita ini.

Kedua, apakah langkah ataupun cara yang akan diambil untuk mempertingkatkan prestasi pertunjukan drama yang akan diadakan pada masa yang akan datang.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli dari Seputeh, buat setakat ini kita puas hati tentang pencapaian drama-drama. Walaupun demikian ada ruang bagi kita untuk mempertingkatkan tahap persembahan drama-drama yang ada.

**PUSAT HIBURAN AWAM—  
JENIS/JUMLAH LESEN**

**9. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri:

- (a) menyatakan pecahan jenis dan jumlah lesen-lesen pusat hiburan yang dikeluarkan di kawasan bandar raya Kuala Lumpur. Adakah kerajaan bercadang untuk memendekkan waktu operasi pusat-pusat hiburan tersebut sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan gejala maksiat di bandar raya; dan

- (b) apakah langkah-langkah baru yang telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri bagi membanteras kegiatan maksiat di bandar raya Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad):** Tuan Yang di-Pertua Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melesenkan tempat-tempat hiburan awam di bawah Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1992 dan Kaedah-kaedah Hiburan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 1993. Setiap lesen yang dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat pelesenan yang perlu dipatuhi oleh pelesen.

- (a) Pecahan jenis dan jumlah lesen yang dikeluarkan sehingga Ogos, 1995 adalah seperti berikut:

1. Kelab malam (muzik, nyanyian dan tari-menari)	10
2. Lounge (muzik, nyanyian karaoke)	122
3. Pub dan restoran (muzik dan nyanyian)	45
4. Pub dan bar (muzik dan nyanyian)	34
5. Disco (muzik, nyanyian dan tari-menari)	17
6. Hotel (muzik, nyanyian dan tari-menari)	52
7. Pusat permainan video iaitu permainan video dan simulator sahaja	48
8. Pusat permainan video dan snooker sahaja	33
9. Pusat hiburan sekeluarga (permainan kanak-kanak, video dan lain-lain mesin hiburan)	15
10. Pusat snooker iaitu permainan snooker sahaja	29
11. Pusat permainan bowling (permainan bowling sahaja)	3
12. Jumlah kesemuanya (tidak termasuk yang dikeluarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966—Hanya oleh DBKL)	408

Setakat ini DBKL tidak bercadang untuk memendekkan waktu operasi pusat-pusat hiburan. Bagi mencegah atau mengurangkan aktiviti yang bercanggah dengan syarat-syarat lesen, DBKL ada menjalankan pemeriksaan lebih kerap ke setiap pusat hiburan terutama yang dikenal pasti sebagai yang bermasalah dan menguatkuasakan beberapa syarat pelesenan tambahan.

- (b) Selain daripada syarat-syarat yang sedia ada, syarat-syarat baru bagi membanteras kegiatan maksiat di bandar raya Kuala Lumpur, DBKL telah mengenakan syarat-syarat baru kepada pusat-pusat hiburan mulai bulan Ogos, 1994 iaitu:
- (i) pintu bilik karaoke hendaklah diperbuat daripada cermin yang terang dan boleh dilihat dari luar dengan jelas segala aktiviti di dalamnya;
  - (ii) pusat hiburan yang mempunyai Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) yang bekerja dengan mereka perlu mengemukakan butir-butir peribadi seperti nama, tarikh lahir, umur, nombor kad pengenalan dan bangsa. Butiran ini akan dikemukakan kepada pihak Polis untuk semakan dan tindakan sewajarnya.
  - (iii) pusat-pusat hiburan perlu menyediakan notis awam di pintu masuk atau di tempat yang mudah dilihat mengenai had umur pelanggan yang boleh memasuki premis dan waktu perniagaan mereka.

DBKL juga telah mempertingkatkan pemeriksaan ke atas pusat hiburan bagi menjamin syarat-syarat pelesenan dipatuhi. Di samping itu, operasi secara bersama dengan agensi kerajaan lain seperti Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Agama Islam juga dijalankan dalam usaha mengawal penyelewengan pusat-pusat hiburan ini.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, di pusat-pusat hiburan yang jenis manakah didapati bermasalah dan apakah hasrat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk tidak memberi lesen bagi pusat-pusat hiburan yang berkenaan yang berulang-ulang menimbulkan masalah?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat yang dianggap sebagai bermasalah tidak dikira jenis tetapi dikira masalahnya iaitu yang selalunya ada perkelahian, ada orang yang mabuk dan yang tidak mengikut jam ditutup pukul berapa dan melanggar syarat-syarat bahawa orang yang tidak patut masuk, masuk.

Jadi, apabila pusat-pusat hiburan ini mempunyai masalah yang begini, maka kita lebih kerap membuat semakan ataupun cuba melihat kegiatan mereka dengan lebih kerap lagi. Yang dianggap sebagai tidak berlesen memanglah, tidak berlesen dia tidak boleh bukalah tetapi kalau dia buka juga, maka kita akan mengambil tindakan menutupnya, mendenda ataupun mengambil tindakan-tindakan seperti yang diperuntukan dalam undang-undang kita.

**Tuan Haji Ahmad Rahim bin Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, kegiatan maksiat di Bandar Raya Kuala Lumpur yang cenderung menggunakan alat-alat komunikasi seperti walkie-talkie dan telefon selular dan ini menyusahkan ataupun menghalang pihak-pihak penguatkuasa untuk mengadakan gerakan-gerakan mencegah gejala maksiat. Adakah kementerian bercadang untuk mengharamkan penggunaan alat-alat komunikasi ini di persekitaran tempat-tempat yang menjadi kawasan maksiat?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu sama

ada tempat-tempat ini ada menggunakan telefon-telefon bersel. Yang Berhormat dari Kuala Nerus nampaknya macam berpengalaman sahaja. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya benda-benda ataupun alat-alat telefon bersel dan sebagainya ialah alat-alat yang neutral, yang kadang-kadang digunakan dengan baik dan digunakan untuk cara yang tidak baik. Jadi, dalam hal ini mungkin digunakan untuk perkara-perkara yang tidak baik seperti maksiat, bookie dan sebagainya.

Untuk menghadkan penggunaan telefon-telefon di tempat-tempat tertentu, saya ingat sudah. Walau bagaimanapun, ini satu cadangan yang boleh kita lihat akan keberkesanannya dan boleh kita kaji tengok sama ia sesuai atau tidak.

#### TANAMAN SAYUR- SAYURAN—GALAKAN KEPADA PEKERJA LADANG

**10. Dr. L. Krishnan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan memandangkan keperluan permintaan makanan dalam negara khususnya sayur-sayuran, melebihi pengeluaran:

- (a) adakah penguatkuasaan peraturan pemberian 1/16 ekar oleh majikan kepada setiap pekerja ladang yang diwajibkan oleh undang-undang yang sedia ada berkesan dan berapa banyak ladang-ladang yang masih tidak mematuhi peraturan ini; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk memberi galakan kepada pekerja-pekerja ladang menanam sayur-sayuran di tanah tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Sumber Manusia berpuas hati bahawa majikan-majikan ladang telah menyediakan tanah seluas 1.16 ekar kepada pekerja-pekerja mereka untuk tujuan penanaman dan ragut (cultivation and grazing, dengan izin) seperti yang diperuntukkan dalam Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Maklumat ini berasaskan kepada laporan-laporan pemeriksaan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia yang mendapati semua majikan telah memperuntukkan tanah mengikut Akta tersebut. Namun demikian, kalau Ahli Yang Berhormat atau sesiapa sahaja ada maklumat tentang ladang-ladang yang belum mematuhi syarat ini, maka kita mengalu-alukanlah butir-butir lanjut. Untuk maklumat, ladang-ladang yang diliputi oleh peraturan tersebut ialah yang menyediakan perumahan kepada pekerja-pekerjanya dan pekerja-pekerja tersebut mendiami rumah-rumah itu.
- (b) Kementerian ini tidak ada cadangan untuk menjalankan program khusus untuk memberi galakan kepada pekerja-pekerja ladang menanam sayur-sayuran di tanah tersebut. Adalah memadai, kementerian ini memastikan tanah-tanah itu diperuntukkan mengikut undang-undang dan terserahlah kepada pekerja-pekerja untuk mengusahakan tanah berkenaan.

Walau bagaimanapun, kementerian bersedia memberi bantuan mendapatkan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan misalnya Jabatan Pertanian jika diperlukan.

#### **INTENSIVE RESEARCH PRIORITY AREA—JUMLAH PERUNTUKAN**

**11. Tuan Noh bin Omar** minta menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang telah diberi kepada pusat-pusat pengajian tinggi dan agensi lain-lain untuk Penyelidikan dan Pembangunan atau Intensive Research Priority Area (IRPA) dalam Rancangan Malaysia Keenam; dan
- (b) beberapa banyaklah penemuan-penemuan terbaru atau reka cipta yang telah dihasilkan oleh pusat-pusat pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) saya ingin memaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak RM589.44 juta untuk Program 'Intensification of Research in Priority Areas (IRPA). Peruntukan tersebut telah diagihkan kepada 11 institusi penyelidikan 8 institusi pengajian tinggi dan 13 jabatan kerajaan yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R & D).

(b) Institusi yang menjalankan projek R & D di bawah Program IRPA telah menghasilkan berbagai-bagai penemuan baru dalam bentuk proses, teknologi dan produk. Sebanyak 73 projek telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk dikomersilkan dan sebanyak 43 penemuan daripada institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi telah berjaya dikomersilkan.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah membuat kajian mengenai kemungkinan sumber air di negara kita dijadikan satu sumber komersil untuk dieksport memandangkan kita kaya dengan sumber air dan kalau ada, adakah ini termasuk di dalam kajian yang telah dilakukan?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini dibuat di peringkat negeri. Air/tanah di bawah Schedule 9 Perlembagaan Persekutuan. Ini telah dibuat. Salah satu daripada negeri adalah negeri Terengganu yang dikaji untuk dieksportkan ke negara-negara Arab.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penemuan-penemuan baru yang telah dijumpai dan yang telah dicipta, berapa banyakkah di antaranya yang telah pun dilindungi oleh Undang-undang Paten atau pun Undang-undang Hakcipta?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah hakcipta—mesti diberi perlindungan. Untuk masa ini, tidak berapa banyak lagi. Kalau tidak salah ingatan saya, beberapa sahaja yang di 'patented' seperti MAS, Tenaga Nasional Berhad dan lain-lain. Saya tidak dapat ingat itu semua. Beri notislah kalau hendak tahu lagi.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian ada cadangan untuk membuka grant di bawah IRPA kepada pihak swasta untuk bekerjasama dengan pihak universiti ataupun institusi pendidikan awam bagi masa hadapan?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Perkara ini boleh dipertimbangkan.

#### HAKMILIK STRATA— KELEWATAN PENGELUARAN

12. **Tuan Chia Kwang Chye** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah sebab-sebab kelewatan di dalam proses dan pengeluaran hakmilik "strata". Memandangkan banyak masalah timbul berkaitan dengan pembayaran caj penyelenggaraan dan pengendalian jawatankuasa pengurusan bagi unit-unit perumahan berkaitan, adakah kementerian bercadang mengkaji semula undang-undang mengenai hakmilik strata supaya masalah-masalah tersebut boleh dielakkan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab kelambatan yang dikenalpasti dalam pengeluaran hakmilik strata termasuklah yang berikut:

- (a) permohonan yang dikemukakan tidak lengkap atau cacat;
- (b) pemaju dan juruukur tanah berlesen lambat mematuhi kehendak Pejabat Tanah dan Jabatan Ukur;

- (c) kelambatan dalam menyemak pelan strata yang dikemukakan dan memberi ulasannya;
- (d) keputusan permohonan mengenai permohonan strata lambat diperolehi;
- (e) pemaju lambat menjelaskan bayaran-bayaran kelulusan;
- (f) juruukur tanah berlesen lambat mengemukakan deraf pelan akui untuk disemak;
- (g) kelambatan memperakui pelan strata yang dikemukakan; dan
- (h) kelambatan mendaftarkan hakmilik strata dan mengemukakan kepada pemohon.

Oleh yang demikian, beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk mempercepatkan memproses permohonan dan pengeluaran hakmilik strata termasuklah yang berikut:

- (a) menubuhkan Unit Hakmilik Strata di Pejabat Tanah dan Galian di negeri-negeri yang mempunyai banyak bangunan berbilang tingkat. Unit ini perlu dianggotai oleh seorang pegawai dan sekurang-kurangnya dua orang kerani;
- (b) mengadakan senarai semakan (check list) untuk memudahkan kerja memproses permohonan dan untuk memastikan bahawa tiada apa-apa tindakan yang tertinggal;
- (c) menyelenggara rekod-rekod tertentu seperti rekod kemajuan permohonan;
- (d) mempertingkatkan pengawasan oleh pihak pegawai untuk memastikan semua kerja dilaksanakan dengan memuaskan;
- (e) mempertingkatkan tahap pengetahuan kakitangan Unit Hakmilik Strata mengenai peruntukan-peruntukan Undang-undang Hakmilik Strata melalui latihan dan mengemaskinikan fail meja dan manual prosedur kerja. Di samping itu, norma-norma kerja bagi proses-proses tertentu diadakan;
- (f) meningkatkan penyelarasan dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan;
- (g) menetapkan tempoh 261 hari atau 8 bulan 3 minggu untuk pengeluaran hakmilik strata bagi permohonan-permohonan yang lengkap dan mematuhi kehendak undang-undang;
- (h) memperkenalkan inovasi khidmat pusat setempat (one stop agency) untuk mempercepatkan pengeluaran hakmilik strata. Dalam hubungan ini, projek perintis di negeri Pulau Pinang, mulai 1 Julai 1993 menunjukkan bahawa melalui sistem ini, hakmilik strata dapat dikeluarkan dalam tempoh 6 bulan;
- (i) menubuhkan panel perundingan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian pada bulan Disember 1993, selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam di mana pihak swasta seperti Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan, Pertubuhan Juruukur Malaysia, Persekutuan Juruukur Tanah Bertauliah dan Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia diberi peluang untuk membincangkan isu-isu semasa dan masalah yang dihadapi dan mencadangkan penyelesaian-penyelesaian tertentu.

Sebagai langkah tambahan, kementerian ini merancang program baru, iaitu Tahun Hakmilik Strata 1995/1996 untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan dan pembeli-pembeli petak dalam bangunan berbilang tingkat.

Berhubung dengan masalah pengendalian pengurusan bangunan, termasuklah masalah pembayaran caj penyelenggaraan, kementerian ini sedang menyemak Undang-undang Hakmilik Strata untuk menangani masalah-masalah ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun Akta Hakmilik Strata telah pun diperkenalkan sejak tahun 1985, sudah 10 tahun, tetapi masalah kelambatan pengeluaran hakmilik strata masih serius dan ini merupakan satu masalah besar kepada pemilik-pemilik bangunan berbilang tingkat.

Setiap kali jawapan diberi di Dewan yang mulia ini, pemaju-pemaju yang disalahkan. Tetapi saya ingat masalah ini adalah dua hala. Apakah jumlah bangunan-bangunan, baik rumah pangsa, pangsapuri, kondominium ataupun kompleks-kompleks perdagangan, pejabat dan juga pusat membeli-belah di seluruh negara yang masih belum mendapat Sijil Hakmilik Strata dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi atau membantu pemilik-pemilik menyelesaikan masalah ini?

Kedua, jika pemaju-pemaju yang didapati bersalah untuk majoriti kes yang mengakibatkan kelambatan pengeluaran hakmilik strata, adakah pihak kementerian bercadang untuk meminda Akta Hakmilik Strata supaya hukuman yang lebih berat

dijatuhkan kepada mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya, saya tidak salahkan pihak pemaju sahaja. Dalam jawapan, saya telah menerangkan bahawa pihak swasta memang mempunyai kelemahan dan pihak pentadbiran dan saya tidak nafikan.

Berkenaan dengan permohonan yang dibuat, saya tidak dapat memberitahu Yang Berhormat bilangan yang belum dikemukakan dan belum diluluskan, tetapi saya boleh memberitahu bahawa sehingga 30hb. Jun, 1995 sebanyak 1,673 permohonan untuk hakmilik strata di Semenanjung Malaysia telah diterima; 890 telah diluluskan; 253 ditolak; dan 530 dalam proses.

Tentang cadangan supaya meminda Akta untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat, saya rasa setakat ini perkara itu tidak berbangkit.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidak bersetuju dengan pandangan bahawa kementerian yang berkenaan telah pun gagal dalam melaksanakan ataupun mempercepatkan supaya permohonan untuk mendapatkan surat hakmilik berasingan itu dengan mengadakan Strata Title Act ataupun surat hakmilik berasingan tahun 1985 itu, tetapi nampaknya sehingga hari ini, perkara yang berkenaan amat mengecewakan. Sungguhpun kita telah mendengar langkah-langkah yang positif telah pun diambil oleh kementerian yang berkenaan tetapi.....(*Disampuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta kemukakan soalan. Yang Berhormat. Ucapan panjang sangat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Sebentar lagilah. Tetapi malangnya kita nampak khasnya di kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan di mana mengadakan banyak kompleks, banyak apartment, banyak rumah kos rendah. Oleh kerana itu saya Wakil Rakyat Wilayah Persekutuan iaitu kawasan Seputeh.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta kemukakan soalan.

**Tuan Liew Ah Kim:**.....maka saya rasa amat bimbang kerana kementerian yang berkenaan tidak berkesan. (*Disampuk*). Soalannya ialah (*Ketawa*) pada satu ketika kita pun dengar hujah-hujah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, tidak payah berucap Yang Berhormat. Kemukakan soalan.

**Tuan Liew Ah Kim:**.....hendak menswastakan pemerosesan permohonan untuk mendapatkan strata title. Adakah projek ini dibatalkan pada masa sekarang? Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak langsung sebutkan projek peswastaaan terhadap permohonan untuk mendapatkan surat hak milik berasingan. Adakah projek ini masih dalam pertimbangan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukup! Cukup!

**Tuan Liew Ah Kim:** Cukupkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta jawapan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan setakat ini belum buat apa-apa keputusan untuk menswastakan proses itu.

#### SYARIKAT MALAYSIA DI NEGARA ASING—KEJAYAAN

**13. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah tindakan akan diambil terhadap syarikat-syarikat Malaysia beroperasi di negara asing yang melanggar perjanjian dan perundangan negara tuan rumah.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di negara asing melanggar perundangan negara tuan rumah itu, maka negara tuan rumah adalah bebas mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang yang ada. Di samping itu, Ahli Yang Berhormat adalah juga dimaklumkan semua perjanjian-perjanjian penggalakan dan perlindungan pelaburan atau dengan izin. Investment Guarantee Agreement yang ditandatangani .....(*Loceng dibunyikan secara tidak sengaja*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Silap. Terkena buku. (*Ketawa*) Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Choo Ting:** .....yang ditandatangani oleh Malaysia turut mengandungi artikel serta peruntukan penyelesaian pertikaian pelaburan antara satu pihak penjanjian dengan pihak pelabur perjanjian yang satu lagi. Artikel berkenaan membolehkan mana-mana pertikaian dirujukan kepada timbangtara antarabangsa bagi diselesaikan.

Setakat hari ini, Malaysia telah berjaya menandatangani Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan (IGA) dengan 44 buah negara.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 6 dan 14 hingga 74 akan dijilid dalam buku berasingan).*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (PINDAAN) 1995

#### Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (Hari Selasa, 29hb Ogos 1995).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tumpat sambung.

3.35 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setelah negara mencapai kemerdekaan berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyatupadukan bangsa dan rakyat negara ini yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan kepercayaan. Antara lain, melalui Akta Bahasa (Pindaan) 1967, di mana pindaan yang dikemukakan di Parlimen pada masa itu telah mendapat tentangan yang hebat daripada pejuang-pejuang bahasa, mahasiswa dan pelajar. Sebab bagi mereka, anggapan mereka dengan diluluskan Akta tersebut, cita-cita untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan akan mengalami kesulitan dan tidak akan ke mana. Memang apa yang dirasakan pada masa itu sekarang telah menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, segala-galanya sudah terjawab kenapa PAS menentang Akta Bahasa 1967 di dalam Dewan yang mulia ini. Sebab kita merasakan terlalu longgar, kurang meyakinkan. Tetapi sayang suara PAS tidak didengar pada masa itu. Setelah hampir 30 tahun berlalu, barulah suara PAS itu mulai difahami. Kalaulah suara PAS didengar pada masa itu, sudah pasti hambatan yang ada sekarang tidak timbul lagi. (*Disampuk*).

Ke mana pergi suara-suara mahasiswa? Ke mana pergi pengusung-pengusung "Keranda 152"? Apakah mereka sudah pergi bersama-sama keranda? Adakah pengusung-pengusung "keranda" semuanya telah berada di dalam keranda sekarang? Tuan Yang di-Pertua, tidak salah kalau saya katakan bahawa suara-suara mereka kalau adapun sekadar melepas batuk di tangga. Sudah tenggelam ditelan arus korporat. Semuanya

mahu jadi ahli korporat. Semuanya mengejar kebendaan seperti Qarun di zaman Nabi Musa. Tanpa mengira halal dan haram.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sekarang pun kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pokok Sena bangun minta jalan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sama ada dia berucap atau dia baca sajak. (Ketawa) Itu saya minta penjelasan. Saya dengar lagu dia baca sajak. Sebab hari ini fasal bahas Dewan Bahasa dan Pustaka, kot dia baca sajak dalam Parlimen.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tidak perlu dijawab soalan anak-anak itu, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang pun kerajaan dan badan-badan swasta menggalakkan menganjur program-program perguruan swasta. Swasta digalakkan menganjurkan program mencari harta karun melalui ekspedisi-ekspedisi supaya semua rakyat ini menjadi Qarun.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan budaya, bahasa dan etika atau moral rakyat tidak menjadi agenda utama. Kalau inilah keadaannya, apa hendak jadi pada negara ini di masa-masa akan datang? Apakah kita mahu melihat keadaan bahasa ibunda

ditimpa nasib seperti nasib Dasar Ekonomi Baru? Kepada siapa harus kita persalahkan? Kita sedar Dewan Bahasa dan Pustaka telah berbuat apa yang mereka telah diamanahkan untuk mengembangkan bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan. Tetapi kerana kerajaan sendiri tidak tegas mengenai bahasa Melayu menyebabkan Dewan Bahasa dan Pustaka menghadapi dilema dan masalah. Pemimpin negara tidak menunjukkan simpati terhadap perjuangan bahasa. Maknanya Dewan Bahasa dan Pustaka menyongsong arus ketika ia meningkatkan kempen memartabatkan bahasa Melayu. Pimpinan negara tidak memperlihatkan minat ke arah itu. Malah kenyataan-kenyataan pemimpin negara memperlihatkan kecenderungan mengagungkan bahasa yang asing atau bahasa penjajah.

Kini intelektual Melayu pejuang-pejuang bahasa Melayu tentu sedar hal ini. Mereka sepatutnya bersuara lebih lantang. Kita gembira Dewan Bahasa dan Pustaka telah mula menerbitkan buku-buku agama yang baik terjemah daripada karangan-karangan ulama-ulama yang terkenal. Buku-buku ini meliputi bidang akidah, tasawuf, perundangan, falsafah dan lain-lain. Cumanya kadang-kadang terjemahannya tidak begitu tepat dan boleh menghilangkan roh daripada maksud daripada pengarang itu sendiri. Saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional bolehlah meluangkan masa mempelajari agama sekurang-kurangnya dari buku-buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahagian penerbitan buku ini mestilah diperbesarkan lagi kerana keperluan yang ada sekarang ini menghendaki keadaan yang demikian. Peruntukan daripada kerajaan mestilah ditambah, mestilah

diperbanyakkan. Janganlah usaha, kerja mahu dibuat banyak tetapi persoalan-persoalan mengenai kewangan tidak ditambah. Mengenai majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, kita mahu Dewan mempertingkat lagi mutunya, isinya, umpamanya mutu majalah Dewan Bahasa begitu rendah, tulisan-tulisan di dalamnya tidak menyakinkan, tidak mencabar minda, tidak membina intelek. Analisa pilihanraya umpamanya sangat dangkal hujahnya, sangat rendah, tidak mengajak kita berfikir. Tulisan-tulisan dalam majalah seperti itu mesti bermutu, meyakinkan dan ilmiah atau semi-ilmiah.

Dewan Masyarakat kini, seolah-olah seperti lanjutan daripada tulisan-tulisan murah yang kedapatan di dalam akhbar-akhbar tempatan, Majalah-majalah Dewan, khususnya majalah Dewan Masyarakat, Dewan Budaya dan Dewan Sastera mestilah merupakan majalah yang boleh membina intelek dan mengajak orang berfikir. Majalah sastera mestilah mendedahkan dirinya kepada perbincangan yang lebih luas, bukan di dalam kepompong orang-orang sastera semata-mata. Sastera mesti didedahkan kepada perbincangan diluar dunia sastera supaya sastera yang merupakan wadah pemikiran, penulisan menjadi bahan perbincangan masyarakat umum. Dengan itu, masyarakat umum dapat membaca pemikiran-pemikiran, penulisan-penulisan penulis-penulis kita dan tidaklah sastera terkurung di dalam lingkungan masyarakat sastera semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, penghakisan tulisan jawi sebagai sejarah hitam di dalam pembangunan Islam di tanah air kita. Kita belum lupa tentang usaha-usaha beberapa orang sasterawan, wartawan dan ahli

bahasa pada tahun 50-an dan tahun 60-an, dengan didokong oleh Menteri Pelajaran pada masa itu, bukan Menteri Pelajaran sekarang. Golongan itu tidak mendapat restu dan ilham daripada pejuang-pejuang sosialis kiri Indonesia yang pada tahun-tahun tersebut mempengaruhi dasar kerajaan, pada masa itu yang mahu menghapuskan tulisan jawi. Tokoh-tokoh agama pada masa itu sudah menyatakan bantahan dan hendak menghapuskan tulisan jawi kerana menurut tokoh-tokoh agama, penghapusan tulisan jawi bererti akan memusnahkan warisan Islam itu sendiri kerana tulisan jawi berkait rapat dengan roh Islam daripada semua segi. Tetapi ada tokoh-tokoh bahasa berhujah pada masa itu kononnya dengan memakai tulisan rumi juga akidah tidak rosak dan agama tetap terpelihara. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah Wakil daripada Kepong sebab beliau adalah salah seorang pelanggan yang tetap kepada Utusan Melayu. Saya harapkan Wakil-wakil rakyat Barisan Nasional akan mencontohi Wakil daripada Kepong, mungkin ramai Yang Berhormat tidak pandai jawi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, saya hendak minta penjelasan sedikit. Tadi ada disebut Yang Berhormat Kepong semalam ada mencadangkan supaya Bahasa Melayu ini ditukar kepada Bahasa Malaysia. Saya hendak tanya daripada Yang Berhormat Tumpat, adakah bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya kira boleh tanya Menteri. Kalau tanya saya, saya jawab pun

mungkin tidak ada, kalau saya jawab ia pun, tidak ada. Yang penting sekarang Menteri. Kalau baik kerajaan, baiklah kita. Kalau buruk kerajaan, buruklah kita macam sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Bangun).**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Timbalan Menteri bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah yang dibuat oleh Tumpat. Saya hendak tanyalah Harakah ini ditulis dalam bahasa rumikah atau jawi?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya kira Yang Berhormat ada mata, takkan tidak boleh lihat. (*Ketawa*) Ahli Yang Berhormat itu matanya tidak nampak, saya boleh beritahu, tetapi Yang Berhormat matanya saya lihat masih normal.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tanjong Karang bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Minta sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua mengenai Harakah. Jadi, memang Harakah itu ditulis dalam tulisan rumi, jadi hendak mendapat penjelasan, mengapakah Harakah itu, suara PAS tidak ditulis dalam tulisan jawi. Adakah orang PAS sekarang ini sudah tidak erti hendak baca jawi?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang bertanya itu tidak faham dengan apa yang saya maksudkan, terlalu dangkal soalnya.

**Tuan Md. Isa bin Sabu: (Bangun).**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kangar bangun Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, suka saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tumpat mengenai jauh dari roh Islam. Adakah orang-orang Cina dari Negeri China beragama Islam, tulisannya dalam bahasa Cina dan bertutur dalam bahasa Cina, rohnya jauh daripada roh Islam. Adakah orang-orang Tamil di Negeri India yang tulisannya tulisan Tamil dan bercakap bahasa Tamil, jauh rohnya dari Islam.?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Inilah Tuan Yang di-Pertua, masih ada lagi kunci-kunci, golongan-golongan sosialis kiri daripada Indonesia. Inilah anak cucu Mustapa Kamal Ataturk.

**Tuan Md. Isa bin Sabu: (Bangun).**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kangar minta jalan sekali lagi.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Point of order 36(6).

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kita mencadangkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sekejap Yang Berhormat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Point of order 36(6), sangkaan buruk terhadap Ahli lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sangkaan buruk jangan ditujukan kepada Ahli yang tertentu, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Seolah-olah beliau ini menentang untuk kita mendaulatkan tulisan jawi, seolah-olah begitu menggambarkan kepada kita, malulah dekat Kepong ini. Itulah saya mencadangkan supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional itu bacalah tulisan jawi, kalau tulis tulisan jawi itu biar betul, jangan yang lain pandai, pergi ke disko pandai, tetapi tulisan jawi tak pandai.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi? Tak ada. (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan ya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kerana dengan memakai tulisan rumi Tuan Yang di-Pertua, kita mahu tulisan rumi dan tulisan jawi, mahu kedua-duanya sekali sebab ini bahasa kita. Banyak istilah-istilah Arab telah bertukar maknanya. Dengan sendirinya istilah agama juga telah bertukar. Inilah akibatnya perbuatan golongan ahli-ahli bahasa dan wartawan-wartawan yang mencetuskan idea menghapuskan tulisan jawi termasuklah beberapa orang Yang Berhormat yang bertanya kepada saya tadi. Idea ini menyakinkan kita kepada usaha rejim Atarturk di Turki yang menghapuskan tulisan Al-Quran dan menggantikan dengan tulisan Turki. Inilah cara golongan sekular Turki yang ditiru oleh golongan-golongan sekular Indonesia dan Malaysia, menghapuskan tulisan jawi, tulisan yang mempunyai roh dan semangat dengan Al-Quran dan Islam itu sendiri. Kini kita telah menerima akibatnya hasil daripada tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi.

Perlu diingat di masa-masa yang lalu perjanjian kerajaan, surat-menyurat antara pembesar-pembesar, malah Perjanjian Pangkor sendiri ditulis dalam tulisan jawi. Batu bersurat dan lain-lain adalah bukti kerajaan pada masa yang lalu menghargai jawi.

Sebagai tambahan, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri daripada apa yang telah saya sebut.....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh, sebab ditimbulkan oleh Ahli dari Tumpat tentang tulisan jawi ini dan beliau tidak menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada rakan-rakan tadi, saya ingin bertanya sama ada beliau boleh menunjukkan kepada Dewan sama ada nota teks ucapan beliau itu ditulis dalam jawi atau dalam rumi? (*Ketawa*).

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan itu tidak perlu saya layan. (*Ketawa*). Sebagai tambahan kepada apa yang saya ucapkan, Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mengadakan program subsidi kepada semua buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengatasi kelambatan penjualan buku-buku terbitan DBP.

Yang kedua, saya menyeru kepada golongan korporat supaya ikut serta dalam program mendaulatkan Bahasa Kebangsaan di negara ini secara aktif,

sebagai-mana sikap badan-badan korporat terhadap aktiviti sosial dan sukan selama ini; dan

Yang ketiga, saya mengharapkan Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mengadakan Program Anugerah Bahasa, misalnya kita memberi satu anugerah dan penghargaan kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana dia dari golongan kaum Cina. Beliau bukan sahaja fasih dalam Melayu, tetapi juga boleh menulis rumi dan tulisan jawi, dia juga sangat berminat dengan tulisan jawi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah ucapan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ramai lagi yang hendak mengambil bahagian. Pokok Sena!

*3.52 ptg.*

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena):** terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya menunggu sehari untuk berucap, sampai habis tidak dapat pulang.

Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana membawa ke Dewan ini satu Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995, kerana sejak daripada tahun 1959, kalau tidak salah saya Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh bapanya ketika itu, anaknya hendak pinda pada hari ini—Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak membentang, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib

meminda—36 tahun. Jadi, dalam masa 36 tahun ini kita patut memberi tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sebab selepas mendengar cakapan Yang Berhormat dari Tumpat seolah-olah Dewan Bahasa dan Pustaka tidak memainkan sesuatu.

Saya hendak menerangkan kepada Yang Berhormat dari Tumpat kalau datuk neneknya hidup semula pada hari ini, kalau dia baca Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan kita, saya percaya dua tiga patah perkataan sahaja yang dia faham. Sebab saya pergi taklimat pada pagi ini di Sekuriti, saya tengok hidup bahasa itu, kerana saya belajar di sekolah sebelum merdeka, jadi saya dapat membandingkan Bahasa Melayu kita sebelum merdeka dengan selepas merdeka. Perbezaan sungguh jauh, pendek kata kalau datuk saya hidup semula, dia tidak faham, hanya dua tiga patah perkataan sahaja yang dia faham, dia cakap, "saya pergi....." itu sahaja. Sebab lainnya semua perkataan-perkataan yang kita bangunkan selama ini, saya harap kita mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, sungguhpun banyak komen-komen daripada Ahli-ahli Parlimen, tetapi komen ini adalah biasa, kerana tujuan kita adalah untuk memperbaiki lagi. Kalau sudah elok, kita akan memperelokkan lagi.

Saya ada beberapa perkara yang hendak dibangkitkan di sini supaya bahasa kita menjadi lebih canggih lagi. Kalau 36 tahun lalu, pada hari ini lagi baik, itu sebabnya bangun di sini mengambil kesempatan, sambil mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan dapatlah mengemukakan beberapa perkara supaya perkara-perkara ini kita tindakan demi

untuk bahasa kita di masa akan datang, supaya bahasa kita akan menjadi satu bahasa yang lebih canggih, bahasa seantero dunia, bahasa antarabangsa (international).

Saya berharap segala peranan yang kita berikan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, penguatkuasa penyeliaan ini perlu kita berikan penguasaan yang sepenuh-penuhnya, bukan sahaja sebagai untuk mengarang buku, untuk menambahkan perkataan-perkataan, seperti yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat saya sebelum daripada ini, mengatakan banyak perkara macam penterjemahan dan lain-lain. Saya juga berharap perkara-perkara ini perlu kita serahkan juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya di samping menjadi sebagai pakar rujuk, penguatkuasa, dia juga sebagai penasihat, sebagai pemerhati.

Ada satu bahagian di Dewan Bahasa dan Pustaka apabila dia tengok di satu tempat misalnya, ada ditulis di situ, dahulunya ditulis 'Ladies waiting room', sekarang di tulis 'Tempat menunggu wanita'. Jadi, 'Tempat menunggu wanita' itu dia salah terjemah, 'Tempat itu bukan saya salahkan Dewan Bahasa dan Pustaka, "tempat" itu misalnya di officekah atau di mana-mana. 'Tempat menunggu wanita', kalau ada lelaki romeokah duduk menunggu girlfriendnya, tidak salah, sebab sebenarnya 'Ladies waiting room'—for the ladies, dengan izin. Perkara-perkara ini mestilah ada di Dewan Bahasa dan Pustaka satu badan supaya sesiapa boleh memberitahu. Bila ada satu bahagian untuk mengawal selia perkara-perkara ini apabila dia tengok, dia boleh balik lapor. Kalau Pengarah Dewan Bahasa

dan Pustaka tidak mempunyai kuasa, beritahu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Kalau Menteri Pendidikan tidak mempunyai kekuatan beritahu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan beritahu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya perkara-perkara itu diambil tindakan.

Ini saya beri contoh, seperti Dewan Bandaraya. Misalnya sesuatu projek pembangunan sebelum diluluskan, syarikat yang hendak membuat projek itu, ini tidak boleh sebab namanya 'Highlands Tower', kalau nama Highland Tower, tidak boleh, "Awak balik tukar, beri nama lain", saya boleh lulus. Ini adalah tugas-tugas Dewan Bandaraya.

Begitu juga dengan Exco-Exco sebelum meluluskan projek, misalnya 'Marina Court'—ini tidak boleh 'Court' ini apa? Ini bukan bahasa Melayu "Awak balik tukar dahulu, kemudian datang dengan nama identiti kebangsaan kita", barulah diluluskan sesuatu projek itu. Ini adalah peranan kita semua, peranan wakil-wakil rakyat, misalnya tengok sahaja 'Tan Bin Lori', macam sahabat saya kata. Apabila dia tengok 'Tan Bin Lori', dia beritahu Dewan Bahasa dan Pustaka dan Dewan Bahasa dan Pustaka akan membetulkan, memberi nasihat atau mengambil tindakan. Ini adalah tugas kita bersama.

Saya percaya kalau kita memainkan peranan ini, maka tidak timbullah 'Highland Tower', 'Marina Court', 'City Square', 'Prime College', 'City Point', 'Jetty Point' macam-macam point. Kalau orang itu dia belajar bahasa Melayu sahaja dia lagi celaru. Jadi, mengenai perkara ini, saya harap Yang Berhormat Menteri beritahu guru besar dan beritahu kepada

Dewan Bahasa dan Pustaka supaya menasihatkan dan Dewan Bahasa hendaklah menjadi pakar rujuk, menjadi sebagai tukang nasihat, sebagai penggalak penggunaan, sebagai orang yang mengambil tahu, sebagai penterjemah.

Kalau dia silap terjemah kita beritahu kepada dia, terjemah ini salah, macam sahabat saya timbulkan semalam, banyak terjemah-terjemahan yang salah. Kalau tidak ada perkataan, tidak salah kita mengambil perkataan orang, orang lain ambil perkataan kita, dia tidak tukar orang Putih mengambil perkataan 'belacan' dia tidak tukar dia mengambil perkataan 'orang utan' dia tidak tukar, dia ambil perkataan 'amok' dia tidak tukar. Dalam dictionary dia ada perkataan 'amok', tetapi apabila kita ambil, kita tukar sehingga ke anak cucu kita pun tidak faham.

Jadi, saya harap kalau kita tukarkan macam Timbalan Perdana Menteri bukanlah kita hendak 'jack', bila dia bentangkan budgetnya, dia menggunakan beberapa perkataan yang baru, yang canggih yang kita semua boleh terima. Misalnya 'mampan' kalau orang kita kata tampan, kalau ekonomi takkan kita hendak kata 'tampan', maka direkanya menjadi 'mampan', semua orang setuju. Sekarang ini semua orang pakai, terutama sekali Yang Berhormat dari Kepong.

Yang Berhormat dari Kepong ini dia terpaksa mengkaji sekolah Melayu, barangkali di Kelantan, berhampiran dengan rumahnya tidak ada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pada ketika itu. Itulah untuk makluman sahabat saya yang bertanya tadi ini, sebab itu dia bawa newspaper Melayu, newspaper Cina pun dia bawa, saya pun boleh bawa

surat khabar Cina, bawa surat khabar Inggeris, bawa sahaja hendak tunjuk dia itu boleh baca jawi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap untuk kita hendak mengembangkan, hendak memperkayakan bahasa kita, maka eloklah perkara-perkara ini kita dapat memainkan peranan bersama di samping Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan bukan sahaja hendak mengeluarkan buku, mencantikkan bahasa, tetapi juga bersikap tegas. Semalam sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Padang Terap mengatakan kita mempunyai sindrom ataupun inferiority complex di kalangan orang Melayu. Pada saya, ini saya tidak berapa setuju, sungguhpun sahabat atau jiran.

Pada saya orang Melayu ini berusia yang tidak mahu menyusahkan orang, dia berjumpa dengan Hindu, minta maaf orang India, di Kedah orang panggil 'Hindu'. Apabila dia berjumpa dengan orang India dia tahu orang India tidak berapa boleh bercakap Melayu, nanti dia bercakap dengan golek kepala, kerana dia hendak orang India itu faham. "Ini sudah makang ka?" Walhal kalau dia cakap "Adakah anda sudah makan tengah hari? Dia boleh bercakap begitu, tetapi dia takut orang itu tidak faham, tidak mahu menyusahkan, kalau dia jumpa orang Putih, orang Putih tanya "Encik, boleh beritahu saya macam mana mahu pergi itu Lorong Haji Taib" (*Ketawa*) Dia tidak jawab Melayu, dia kata, "You go to the right and turn left" (*Ketawa*) Ini orang Melayu, dia tidak mahu menyusahkan. Sikap ini patut diperbaiki di sekolah-sekolah. Tidak mahu menyusahkan orang. Kalau ada

orang datang ke rumahnya pada waktu tengah hari, time makan nasi, dia jamu orang dahulu. Itu orang Melayu. Tiada kopi, dia lari ke rumah sebelah pinjam kopi secawan untuk menjamu orang. Dia tidak mahu orang yang datang itu tidak minum kopi. Orang perempuan beli pinggan-mangkuk dia simpan dalam almari bukan main elok sebagai perhiasan. Tetapi bila suaminya makan, pinggan sumbing sahaja. Bila orang datang dia bawa keluar pinggan elok-elok, tak mahu menyusahkan orang. Sifat ini mesti diperbaiki di sekolah-sekolah kerana sifat tidak mahu menyusahkan orang sehingga orang mengambil kesempatan di atas sikap kita yang tak mahu menyusahkan orang ini.

Saya harap Menteri Pendidikan dapat memainkan peranan di sekolah-sekolah memberi tahu sikap kita yang tidak baik ini. Kalau jumpa dengan orang Putih, orang Putih itu cakap Melayu, dia belajar di Hawaii dua tahun.....

**Tuan Yunof Edward Meringking:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sekejap, saya hendak habiskan ayat ini sahaja. Orang Putih dia belajar Bahasa Malaysia selam dua tahun di Hawaii. Bila dia datang ke sini dia cakap Melayu, orang Melayu ini takut kalau dia cakap lebih daripada itu orang Putih itu tidak faham. Dia cakap orang Putih, jadi senang. Bukan dia ada sifat inferiority. Ada juga inferiority complex itu tetapi apabila timbul sifat inferiority

complex ini, ini sikap orang-orang besar kita, kalau orang Melayu kita pergi ke office kita cakap bahasa Melayu dia tidak berapa hendak layan. Kalau kita kata, "Good morning, Sir", dan-dan dia kata, "Yes come in". Kalau kita kata, selamat pagi, assalamualaikum, dia buat tidak tahu. "Siapa tu, suruh dia tunggu dekat luar". Sikap ini pun kena buang, Dato' Menteri, kena buang di peringkat sekolah lagi kerana sikap yang merugikan bangsa kita dan merugikan bahasa kita.

Kita Ahli-ahli Parlimen masuk dekat sini kadang-kadang bercakap Inggeris, itu sama-sama kita, itu lain. Tetapi di pejabat-pejabat di kementerian-kementerian kadang-kadang kita bercakap bahasa Melayu semua maka dia anggap kita ini kolot mengaji sekolah Melayu sahaja. Inilah perkara-perkara.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Padang Terap bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya disebut tadi, sebenarnya apa yang saya kata semalam atau kelmarin bukanlah mengenai orang Melayu yang mempunyai sikap-sikap itu baik. Tetapi apa yang saya maksudkan Melayu dengan Melayu ini, kalau hendak cakap orang Putih itu cakaplah semua orang Putih dan pastikan bahasa Inggeris yang dipercakapkan itu sempurna. Kalau

hendak cakap Melayu pun cakap Melayu secara sempurna. Tetapi apa yang didapati sekarang, dalam satu ayat sekerat orang Putih sekerat Melayu. Ini ditunjuk oleh media-media elektronik, TV3, TV2, TV1 dalam drama-drama sampai makcik kita di kampung tidak faham apa yang diperkatakan. Ini yang saya maksudkan inferiority complex. Dahulu kita gelak dengan tayangan gambar Hindustan tetapi sekarang kita jadi lebih teruk daripada gambar Hindustan. Dalam gambar Melayu moden semua ada elemen-elemen.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:**  
Duduk sekejap, saya hendak bercakap.  
(*Ketawa*)

Dalam gambar Melayu sekarang ada elemen-elemen yang akan menjadi bahasa kita 'pidgin', macam bahasa di Caribbean dan di Papua New Guinea dan menjadi bangsa Malaysia sebagai bangsa 'Creole'. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sampai lagi kepada itu. (*Ketawa*) sikap orang Melayu kita, kalau dia boleh cakap orang Putih dua, tiga patah itu dia kira sudah 'best'lah. Terutama sekali macam drama dalam televisyen, orang yang berjaya mesti dalam rumahnya bercakap orang Putih. Kalau anak panggil maknanya 'mama'. Itu sudah baguslah. Kalau anak panggil bapanya 'papa'. Sat sahaja lingkup terus bapanya. Dok hari-hari doa 'papa', 'papa', 'papa', bapanya pergi teruslah. 'Papa', 'daddy', 'mama'— ini dalam

televisyen. Ini yang mempengaruhi masyarakat kita. Ini bukan Menteri Pendidikan hendak perbetulkan, ini Menteri Penerangan. Ini kita kira kesemua, Menteri Penerangan, kementerian-kementerian, Datuk Bandar, Exco, Menteri Besar semua kena main peranan. Sungguhpun ada peranan-peranan daripada Dewan Bahasa, kita kena beri lebih sedikit peruntukan—sila buat peruntukan dan minta—kami Ahli-ahli Parlimen akan menyokong. Tetapi mesti beri kuatkuasaan yang penuh. Kalau 30 tahun dahulu zaman Allahyarham Tan Sri Syed Nasir menjadi Pengarah Dewan Bahasa, saya rasa pada ketika itu ada Bulan Bahasa, Minggu Bahasa. Pada masa itu semua tanda di kedai dibahasa kebangsaankan. Kalau ada pun yang kecil ditulis untuk "fung sui" sahaja. Tetapi sekarang yang "fung sui" itu lagi besar yang Bahasa Kebangsaan diperkecilkan. Saya hendak tahu daripada Ahli Yang Berhormat Kepong, contohnya papan tandanya "DR. SAKIT KULIT". Sama ada dia sakit kulit ataupun dia doktor pakar sakit kulit. Tetapi saya hendak tahu dia tulis yang besar itu yang mana—doktor penyakit kulitkah atau doktor yang sakit kulitkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, apa hubungan-kaitnya di antara "fung sui" dengan papan tanda itu?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika dahulu.....Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan ini, susah sedikit. (*Ketawa*) Beri chance pada orang lain pula. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana minta penjelasan. Maksud saya,

dahulu bila ada Minggu Bahasa, Bulan Bahasa, kita memperbaiki perkara ini untuk memberi nampak supaya Tanah Malaysia ini bahasa rasminya Bahasa Kebangsaan. Itulah maksud saya. Tetapi sekarang ini tiada siapa yang mengambil tahu perkara ini. Sebab itu timbul macam-macam terjemahan seperti saya katakan tadi, 'Tempat Jahit Wanita' pun tiada siapa yang membetulkan. Kawasan saya di Alor Setar pun ada 'Kedai Jahit Wanita'. Perempuan tidak berani lintas dekat situ. Tak berani lintas, takut kena jahit. Perkara-perkara seperti ini Dewan Bahasa kena betulkan.

Kalau Ahli Yang Berhormat tulis surat, ambil tindakan segera. Yang Berhormat dari Kepong kata dia tulis, tiga tahun tidak jawab. Perkara-perkara ini saya harap Dewan Bahasa dan Pustaka ini di samping kita menolong, Dewan Bahasa kena mainkan peranan yang benar-benar untuk kepentingan semua. Sebab kita percaya, sekarang ini kalau kita dengar Dewan Bahasa, kita ingat kita nampak buku sekolah sahaja. Dewan Bahasa—buku sekolah. Dia tidak nampak Dewan Bahasa sebagai satu Dewan untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, mendaulatkan Bahasa Malaysia dan mendaulatkan bahasa Melayu, itulah juga. Sebab semalam ada dibangkitkan untuk bahasa Melayu.

Pada saya Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan ini ditutur oleh semua rakyat Malaysia yang datangnya daripada bahasa Melayu. Begitu juga dengan bahasa Indonesia. Bahasa Indonesia adalah Bahasa Kebangsaan datangnya daripada bahasa Melayu. Ia

lebih kurang sahaja. Itu pada sayalah tak tahulah pakar-pakar bahasa tetapi pada saya itu adalah satu punca yang sama. Sebab pada satu ketika masa saya belajar di Universiti Indonesia untuk makluman, mereka pun dok tembak macam-macam, saya betul. Masa tunjuk perasaan Ali Sadikin, saya dok belajar di situ dia tulis "Awat! Spion Melayu". Spion ini spy. Saya ingat dia tuduh saya dan dua, tiga orang Melayu kita. Saya pergi tanya sahabat saya yang bernama Hendro di universiti. Saya kata, mengapa dia tulis "Awat! Spion Melayu"? Dia tuduh kamikah? dia kata, "tidak, semua orang Jawa ini adalah orang Melayu". Semua ini dikatakan Melayu keturunan Jawa, Melayu keturunan Padang. Sebab itu pada saya ini adalah datangnya daripada punca yang sama.

Saya harap kita tidak ada halangan untuk meminjam dan saya ingin mengemukakan di sini bahawa saya tengok tadi di Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) menggunakan perkataan-perkataan sama ada dia merujuk kepada Dewan Bahasa ataupun dengan inisiatif dia sendiri.

Jadi, saya harap Dewan Bahasa dan Pustaka akan memainkan peranan sebagai pakar rujuk. Kalau ada badan-badan mana yang salah terjemah, maka dengan cepat, dengan segera diperbaiki supaya perkara-perkara ini tidak merebak dan supaya sampai satu ketika, macam yang dibangkit-bangkitkan oleh Yang Berhormat kawan saya dari Padang Terap dan Kepong berkenaan dengan perkataan 'graha'. Jadi, sekarang sudah celaru dengan saya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh

sahabat-sahabat saya, ada yang menyatakan seolah-olah Dewan Bahasa dan Pustaka ini tidak memainkan peranan, saya ingat ini adalah satu perkara, sebab kalau kita tengok dalam Dewan ini, saya duduk dalam Dewan ini sebagai pegawai yang memerhati di belakang—Yang Berhormat dari Jelutong dahulu tak tahu langsung berbahasa Malaysia. Kalau dia bangun, dia mesti cakap Inggeris, ada sepatah dua kata. Tetapi sekarang dia boleh berucap dalam Bahasa Malaysia. Ini saya patut beri tahniah. Yang Berhormat dari Kepong tak kiralah, sebab dia mengaji sekolah kebangsaan. Tetapi Yang Berhormat dari Jelutong berucap dalam Bahasa Malaysia, sungguhpun dia sebut 'jikalau' banyak kali sangat. (*Ketawa*) 'Jikalau!', dia kata. Tetapi itu tak mengapa, asalkan percubaannya.

Kita harap tiga puluh tahun lagi semua akan berucap dengan lantang dalam Bahasa Malaysia. Sekarang ini kalau ada, banyaklah, menteri pun ada, bila cakap dalam Parlimen ini bila ada orang Putih duduk senarai dia pun bercakap dalam bahasa Inggeris. Dahulu ada seorang Timbalan Menteri cakap dalam bahasa Inggeris bila ada Ahli Parlimen daripada Britain datang. Saya keluar di luar saya kata, awak menyusahkan Ahli-ahli Parlimen daripada Britain. Fasal apa, dia kata. Sebab Interpreter kita diarah untuk interprete. Kalau you cakap Melayu, mereka interprete into English. Sekarang you bercakap bahasa Inggeris, mereka interprete into Malay, orang Putih itu tak faham. (*Ketawa*) orang Putih itu tak faham, dia kata, betulkah? Saya kata pergilah tanya Interpreter. Jadi, bila orang Putih datang, dia mula nak cakap, sebab dia hendak tunjuk di Malaysia

ini bila cakap Inggeris itu pandai. Ini satu sikap, Yang Berhormat Menteri. Sikap-sikap macam ini kena ubah, kita cakap orang Putih memanglah—saya bercakap orang Putih sebab saya mengaji sekolah orang Putih.

Kalau kita tengok bapa kita yang memperjuangkan bahasa, memang semua mengaji di sekolah Inggeris, sampai London sana, tetapi semangat untuk memperjuangkan bahasa dalam tiga tahun lagi, dalam tahun 2031—fasal apa saya sebut 2031, bukan kerana kereta saya nombor 31. Sebab 36 tahun Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bentangkan perkara ini mewujudkan Dewan Bahasa, 36 tahun kemudian anaknya datang meminda. Tiga puluh tahun pula, 36 tahun pula campur dengan 1995 jadi 2031. Pada ketika itu, kita akan harap dalam Dewan ini, sama ada di luar, di sekolah, di universiti, masyarakat Malaysia ini akan berucap dengan baik dalam Bahasa Malaysia, ini yang saya harap.

Jadi, saya ucap tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri kerana meminda yang begitu banyak, tetapi perkara-perkara itu kita harap akan memberi kuasa yang lebih untuk Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan kesempatan ini menjalankan amanah rakyat supaya dapat meninggikan maruah, martabat mutu bahasa kita ke satu tahap yang kita cita-citakan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Beberapa Ahli: (*Bangun*)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa ramai lagi yang

hendak berucap nampaknya. Saya terpaksa menghadkan tempoh kepada 15 minit seorang. Parit.

4.15 ptg.

**Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas (Parit):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan di sini bahawa saya menyambut baik pindaan kepada Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka 1959.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 5 dalam Akta Ibu ada menyebutkan tentang perkataan 'menstandardisasikan'. Dalam pindaan yang dituntut ini, perkataan 'menstandardisasikan' itu hendak ditukarkan kepada perkataan membakukan. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa perkataan 'standard' dan perkataan baku itu berbeza-beza maknanya mengikut ahli-ahli bahasa yang mempunyai kepakaran dalam bidang mantik ataupun juga dalam bidang linguistik.

Baru-baru ini ada diperkatakan tentang perkataan 'standard' dan 'baku' di dalam Bahasa Malaysia ini di dalam satu kertas kerja yang dibentangkan oleh Profesor Dato' Dr. Asmah binti Haji Omar, iaitu Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, di mana beliau ada mengatakan kalau ikut takrifnya, perkataan 'baku' bererti 'kata seragam', iaitu membawa konsep sama atau seratus peratus sama dalam segala hal. Manakala dalam perkataan 'standard' itu, standard mempunyai konsep persamaan yang memberi tempat kelainan ataupun variasi di dalam sesuatu penggunaan itu. Yang saya ingin

jelaskan di sini ialah kalau kita hendak membakukan sesuatu perkataan itu, terutamanya di dalam hal ini, di Malaysia kalau kita hendak membakukan Bahasa Malaysia, ini ialah sesuatu perkara yang agak mustahil kalau kita ikut takrif yang diberikan oleh Profesor yang saya sebutkan tadi. Sebab bahasa ini, biasanya penggunaan dan penekanan sesuatu bahasa itu ialah bersifat normatif, iaitu ia mengikut norma-norma yang diamalkan ataupun yang dipraktikkan oleh sebahagian besar daripada masyarakat yang menurut perkataan itu.

Oleh sebab itu, kalau kita hendak mengatakan sesuatu bahasa itu baku, sesuatu bahasa itu betul kepada penggunaannya seratus peratus, ini agak mustahil, kerana dari dahulu lagi Bahasa Malaysia ini, kalau kita ikut bahasa yang digunakan oleh datuk nenek moyang kita sejak beratus-ratus tahun yang lalu, bahasa yang digunakan ialah bahasa yang pelbagai ataupun yang mempunyai variasi-variasinya yang kalau kita kumpulkan amat banyak bilangannya.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa di dalam kita hendak membakukan bahasa ini, kita harus terlebih dahulu mentakrifkan perkataan 'baku' itu. Setelah kita mendapat kata sepakat tentang perkataan 'baku' itu, barulah kita cuba untuk membakukan bahasa itu. Saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, di dalam menentukan sebutan apa yang dikatakan sebutan baku sekarang ini, maka perkataan yang biasa kita gunakan—sebagai 'universiti' sudah kita tukarkan kepada "ooniversiti". Sama juga dengan perkataan-perkataan lain seperti 'unit'.

Dahulu disebut 'unit', sekarang disebut 'oonit'. Bagaimana kita boleh menukarkan sebutan sesuatu bahasa itu, sedangkan ejaannya tidak menunjuk ataupun menghala kepada sebutan yang sama. Misalannya kalau kita kata 'universiti', huruf 'u' itu kalau kita sebut dari segi abjadnya kita kata 'yu', kita tidak kata 'oo'. Jadi, dari mana datangnya 'ooniversiti', sedangkan ejaannya dieja daripada 'yu'. Begitu juga dengan perkataan-perkataan yang lain, saya rasa agak janggal sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkataan-perkataan seperti 'bank-bank'. Kita sudah biasa menggunakan perkataan 'benk', kenapa perlu kita tukar kepada 'bank'. Kita harus ingat bahawa bahasa itu ialah sesuatu yang hidup, bahawa sesuatu bahasa itu ialah hasil daripada evolusi bahasa itu sendiri yang diturunkan daripada satu generasi hingga ke satu generasi yang lain. Kalaulah kita sekarang ini hanya hendak membakukan sahaja dengan seketat-seketat makna baku, maka kita akan kehilangan sebahagian daripada warisan kita yang telah mengindahkan dan memperkayakan bahasa kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya ingin menyentuh sedikit tentang dialek. Kajian tentang dialek ini saya rasa amat sedikit dibuat oleh pakar-pakar dalam bidang bahasa mahu juga oleh pakar-pakar yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tidak banyak buku yang mengkaji tentang dialek-dialek, walhal di dalam Malaysia sendiri kita ada, saya rasa puluhan, sekurang-kurangnya puluhan dialek yang boleh dikaji.

Adapun dialek misalannya dialek Iban, kalau tidak silap saya, yang dikaji

oleh Profesor Dato' Dr. Asmah dahulu tetapi sejak itu tidak banyak lagi dialek yang dikaji, pada hal kalau kita hendak memperkayakan bahasa kita boleh menggunakan dialek-dialek yang ada. Tetapi bagaimana kita hendak menggunakan dialek-dialek ini kalau kita tidak membuat kajian?

Sebab dialek-dialek ini ialah sesuatu yang di'pass'kan, dalam Bahasa Malaysiannya, minta izinlah, di'passkan'kan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Jadi, kalau kita tidak kumpulkan dialek ini, tidak kita dokumentasikan, tidak kita galakkan penggunaannya, maka bila generasi itu sudah habis, sebab manusia ini pada akhirnya akan kembali juga kepada Allah S.W.T., maka dialek itu akan mati dengan orang itu sendiri. Saya ambil contoh, kalau kita hendak membentuk istilah misalannya di dalam apa-apa bidang, bidang perubatan, bidang kejuruteraan dan sebagainya, banyak istilah-istilah kita ambil daripada bahasa asing, sedangkan bahasa daripada perkataan yang kita boleh ambil daripada dialek itu ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil sebagai satu contoh, saya datang daripada kawasan Parit. Di Parit kita ada berbagai istilah dialek iaitu misalannya, kalau kita ambil dalam istilah perubatan, kalau kita ada satu peringkat iaitu peringkat demam dan sebelum demam itu bila badan dia rasa panas sedikit, rasa-rasa hendak demam, istilah yang digunakan ialah perkataan 'dedor'. Jadi, dedor ini maknanya demam pun tidak, tak demam pun tidak. Jadi, dedor ini boleh dijadikan istilah. Tetapi saya tidak nampak ada pakar-pakar dalam bidang perubatan yang mahu menggunakan

istilah ini. Dan saya tidak nampak pula usaha daripada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengumpul perkataan-perkataan seperti ini. Itu satu contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin daripada kawasan-kawasan lain banyak juga istilah-istilah seperti ini yang sekiranya dikumpul akan menjadi satu buku yang amat besar dan akan menyenangkan lagi, memperkayakan istilah kita.

Dalam prinsip-prinsip pembentukan istilah-istilah misalannya, ini digubal oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang saya tahu bahawa kalau kita hendak membentuk sesuatu istilah itu, kita mesti mengguna bahasa kita sendiri. Kalau tidak ada bahasa itu, kita ambil bahasa dialek. Kalau tidak ada bahasa dialek, barulah bahasa asing. Tetapi yang saya nampak kini ada kecenderungan bahawa kita lebih senang lagi mengambil daripada bahasa asing daripada bahasa dialek kita sendiri.

Jadi, saya ingin menyarankan di sini bahawa lebih baik lagi kajian dibuat tentang dialek ini. Kalau perlu, berilah insentif-insentif yang mungkin boleh mendorong lebih ramai lagi orang untuk mengkaji dialek.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Keping bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Saya bersetuju kita mesti membuat kajian ke atas banyak dialek, bahasa daerah, bahasa pasaran, memang kita buat ini satu warisan. Saya nampak tadi perkataan yang digunakan oleh Ahli

Yang Berhormat di'pass' diwarisi oleh generasi baru dan ini menunjukkan dia menggunakan perkataan yang dipinjamkan. Saya tak salahkan ini bahasa! Apabila perkataan itu digunakan dengan popular, kita gunakan perkataan itu. Dan kita sengaja hendak rekakan istilah itu, kita tak boleh. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar? Misalnya dengan 'radio' sebelum ini kita menggunakan 'tetuang suara'.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetuang udara, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetuang udara, itu tidak boleh diterima! Sebab itu kita gunakan 'radio'. Begitu juga dengan hospital—'rumah sakit'. Ada istilah yang lama-rumah sakit. Rumah itu sakit. (*Ketawa*).

Sebab itu kita gunakan hospital, kerana istilah yang popular. Saya tidak menafikan, kita mesti ada banyak kajian tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat,.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan. Yang Berhormat telah berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ah! Saya tahu, saya minta penjelasan sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah soal tadi dah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada soalan. Adakah Yang Berhormat sedar?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah cukup, Yang Berhormat.

**Puan Ainon Khairiyah binti Mohd.**

**Abas:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sudah minta izin menggunakan perkataan 'pass'. Sebab saya tidak mengikut teks, jadi saya bercakap begitu sahaja. Kalau saya hendak sebut, semalam saya cukup teringin sangat hendak bangun. Sebab Ahli Yang Berhormat dari Kepong sekejap-sekejap dia menggunakan perkataan 'itu'. Kita boleh lihat dalam *Hansard*, tiap-tiap ayatnya ada menggunakan perkataan 'itu'. "Saya ada baca itu ucapan Perdana Menteri". Saya ada tengok itu rumah di Kepong".

Jadi, ini salah dari segi struktur bahasa. Tetapi saya memaafkan beliau. (*Tepuk*)(*Ketawa*).

Jadi, saya harap janganlah dibincangkan tentang perkataan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dialek tadi, yang saya ingin utarakan di sini ialah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sepatutnya bolehlah menganjurkan atau menyediakan satu insentif yang boleh mendorong lebih banyak pakar-pakar lagi untuk mengumpul dialek ini, sebab saya rasakan pengumpulan dialek ini sudah sampai kepada tahap yang kritikal. Dan oleh sebab kita sekarang ini sudah terbawa-bawa dengan kebakuan, maka dialek itu semakin lama semakin tertolak kebelakang. Jadi saya risau, kalaulah kita tidak membuat kajian ini maka dialek-dialek yang sungguh kaya itu akan lesap sama sekali dan tidak akan kembali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang dialek, saya juga tadi sangat

berminat tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena dan semalam ucapan dari Ahli Berhormat dari Yan, Kedah. Ahli-ahli Yang Berhormat ini datang daripada Kedah dan mempunyai satu entonasi yang sangat sedap saya dengar. Jadi, di dalam Dewan yang mulia ini kita boleh bertutur, kita boleh berkomunikasi dengan amat berkesan sekali kerana mereka menggunakan entonasi-entonasi yang mungkin bukan baku tetapi bersifat kedaerahan, tetapi berkesan dan amat sedap didengar.

Jadi, saya rasa ciri-ciri bahasa seperti ini jangan kita lenyapkan, kalau ada orang hendak bertutur ikut daerah Kedah, kita biarkan, orang hendak bertutur hendak ikut daerah Parit, Perak—kita biarkan. Parit juga mempunyai entonasi yang amat sedap sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa tugas Dewan Bahasa dan Pustaka ini amat berat sekali. Dalam mengembangkan isu-isu bahasa, soal-soal bahasa ini, Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai tanggungjawab untuk mengembleng kepakaran-kepakaran yang sedia ada untuk membantu dalam usaha memperkayakan dan memantapkan lagi Bahasa Melayu ataupun Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Kebangsaan kita ini. Cuma yang ingin saya tegaskan di sini, bahawa di dalam pemerhatian saya, di dalam kita mengembleng tenaga-tenaga kepakaran ini, kita harus jangan ada politik. Kita harus mengambil ataupun mencungkil bakat-bakat menggunakan kepakaran-kepakaran yang ada pada semua ahli-ahli profesional, ahli-ahli pakar tak kira sama ada mereka itu sehaluan ataupun tidak.

Saya rasa semasa Dewan Bahasa dan Pustaka kebelakang ini ataupun di tahun-tahun yang kebelakang ini, mengeluarkan petua-petua, nampak saya ada rasa seolah-olah hanya satu golongan sahaja yang diambil petuanya. Dan kalau ada golongan yang lain yang mungkin tidak bersetuju dengan petua yang dibuat oleh satu golongan ini, maka petua itu diketepikan.

Saya ingin menyarankan bahawa soal bahasa ini, soal mengembangkan bahasa, soal memantapkan bahasa ini ialah soal yang serius dan oleh sebab kita ramai ada pakar-pakar di Malaysia ini sendiri, kita harus menggunakan semua pakar, janganlah kita pilih-pilih. Saya lihat di dalam pindaan akta di dalam fungsi-fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka itu sendiri, ada peruntukan untuk majlis melantik jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang mempunyai bidang-bidang yang tertentu. Dan saya harap pada masa-masa yang akan datang, orang-orang yang dipilih untuk menduduki jawatankuasa-jawatankuasa kecil ini, janganlah hendaknya orang yang satu haluan sahaja. Biar ada banyak haluan. Haluan yang saya maksudkan ialah perbezaan pendapat, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, ada perbezaan pendapat tentang perkataan 'baku' dan standard itu sendiri oleh satu pihak tetapi ada pihak lain yang mungkin tidak bersetuju dengan golongan itu, harus kita gembelngkan kedua-dua kumpulan ini, kita dok ajak duduk dan kita ambil jalan tengah, pilih mana yang baik tanpa mengirakan yang baik itu datang daripada golongan yang sama ada golongan yang kita memang suka ataupun golongan yang bersetuju dengan kita ataupun tidak.

Jadi, saya rasa itu ialah satu tugas yang patut dipandang berat oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang terhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Puan Aionon Khairiyah binti Mohd. Abas:** Satu sahaja lagi. Yang akhir sekali, boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cuba singkatkan, Yang Berhormat.

**Puan Aionon Khairiyah binti Mohd. Abas:** Saya hendak singkatkan sedikit, tentang penerbitan. Saya dapati bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka ini menerbitkan buku-buku sekolah, jadi saya mintalah kalau boleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini tolong galakan lagi penerbitan buku-buku ilmiah, buku-buku sekolah itu biarlah usahawan-usahawan bumiputera yang lain buat.

Tuan Yang di-Pertua, ilmiah ini, saya dahulu pernah duduk di Universiti Malaya, kalau saya buat buku ilmiah, hendak tunggu dia diterbitkan dekat 3 tahun dan bila diterbitkan fakta-fakta di dalamnya sudah ketinggalan zaman. Jadi, saya hendak mintalah supaya Dewan Bahasa dan Pustaka ini jangan mengirakan keuntungan sangat supaya menerbitkan banyak lagi buku-buku ilmiah, kerana buku-buku ilmiah ini sangat penting untuk perkembangan ilmu pengetahuan di Malaysia ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong, tidak sempat hendak soal Santubong.

4.32 ptg.

**Puan Rohani binti Abdul Karim (Santubong):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dan saya rasa memanglah harus diberi kesempatan sebab Akta ini hendak diperluaskan di Sarawak. Saya adalah seorang ahli dari Sarawak yang hendak menyokong pindaan ini. Jadi, saya juga turut menyokong pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 serta untuk memperluaskan Akta tersebut ke Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Walaupun secara rasminya Akta ini belum lagi dipanjangkan ke Sarawak, namun peranan Dewan Bahasa dan Pustaka memang sudah terserlah di Sarawak. Bagi seorang anak Sarawak memanglah saya amat mengalu-alukan perluasan atau pemanjangan Akta ini ke Sarawak agar penyeragaman penggunaan bahasa dapat diselaraskan seluruh negara. Dengan perluasan ini perkembangan dan kemajuan di negeri-negeri lain juga harus dirasai dan dinikmati di Sarawak.

Saya ingin mengambil kesempatan dan peluang hari ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak kerajaan, khasnya kepada menteri Pendidikan kerana buat pertama kalinya seorang anak Sarawak, iaitu Dato' Taha Ariffin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telah dipilih untuk menganggotai Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka ini. Saya telah dimaklumkan bahawa perlantikan ini telah dibuat pada bulan

Ogos, baru-baru ini dan saya berharap semoga ramai lagi anak-anak Sarawak akan dipilih untuk menganggotai Lembaga ini, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar struktur Dewan Bahasa dan Pustaka di Sarawak diberi Pertimbangan khas dari segi tenaga pekerjanya kerana keadaan negeri Sarawak yang begitu luas, sebesar seluruh Semenanjung dan ditolak negeri Perlis. Ia juga mempunyai pertaburan penduduk yang begitu meluas. Oleh kerana keadaan geography serta masalah komunikasi yang tidak seluas dan efisien jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, jadi, segarusnya jentera pentadbiran yang ada sekarang ini tidaklah mencukupi, iaitu hanya 100 orang kakitangan di pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu hanya 10% daripada jumlah seluruh kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka di seluruh negara.

Saya pohon agar tenaga pekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka di Sarawak ini diperbesarkan agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan dan efektif. Dengan penguatan dan perluasan Akta ini secara rasmi ke Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka boleh beroperasi dengan lebih gigih dan bertenaga dalam mengembangkan bahasa demi menyatu-padukan penduduk yang berbilang kaum dan etnik di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan etnik, saya rasa lebih kurang 20 jenis. Oleh yang demikian, dan seperti disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, saya ingin

menyarankan di sini agar pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dalam mengumpul semua dialek, dapat mengumpul semua dialek pertuturan kumpulan-kumpulan etnik ini dibakukan kepada bahasa Malaysia, atau apa yang dipanggil 'standard' sekarang ini. Ini mungkin lebih mudah, sebab pertuturan kami di Sarawak memang sudah berbahasa baku iaitu di Sarawak amat berbangga kerana sebutan kita adalah sesuai dengan bahasa baku. Jadi, penerimaannya lebih mudah di Sarawak tetapi, walau bagaimanapun, masih banyak lagi tempat-tempat di ceruk-ceruk yang jauh di pedalaman, yang harus ditangi oleh pegawai-pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka untuk bersama-sama membawa mereka ke arus penggunaan bahasa Malaysia yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan agar pihak penguatkuasaan di Dewan Bahasa dan Pustaka membuat rondaan-rondaan di kedai-kedai, iaitu kedapatan banyak karya-karya lama dan yang sudah obsolete, dengan izin, bahasanya, masih lagi dijual di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi beberapa highlight di sini bahawa kerajaan negeri Sarawak amat prihatin tentang pentingnya penggunaan bahasa Malaysia dan negeri Sarawak adalah negeri yang pertama mengadakan Anugerah Sastera Negeri, Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang begitu besar untuk tujuan ini. Oleh yang demikian, pembesaran tenaga dan struktur pentadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka amat diperlukan bagi mengendalikan anugerah ini dan juga aktiviti-aktiviti lain bagi

mengembangkan penggunaan bahasa yang betul agar aktiviti dan pentadbiran di Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka di Sarawak dapat dijalankan dengan lebih sempurna. Jadi, bermakna saya hanya ingin memfokuskan hujah saya pada hari ini kepada perluasan Akta ini ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli yang berhormat, oleh kerana kesuntukan masa, saya terpaksa menghadkan bilangan Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas dalam Rang Undang-undang ini kepada dua orang lagi, Kangar.

4.39 ptg.

**Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama turut mengambil bahagian dalam membahar Rang Undang-undang ini dan sekali gus memberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya mengambil kesempatan untuk merakamkan tahniah dan syabas kepada Dewan Bahasa dan Pustaka di atas sumbangan dan baktinya terhadap perkembangan bahasa di negara ini. Dewan Bahasa dan Pustaka dengan gigihnya telah memajukan bahasa Melayu selaku bahasa di negara ini dengan mengadakan peringkat awalnya "Minggu Bahasa" dan sekarang kita dapati bahasa Melayu dapat dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah, malah sampai kepada peringkat universiti.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini sudah sampai dan tepat pada masanya kerana tujuan pindaan ini merupakan tujuan yang murni dari segi perluasan dan juga dari segi pindaan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah bagi merancang aktiviti dengan lebih berkesan lagi. Hari ini, segi perluasannya adalah sesuai untuk diperkembangkan ke Sabah, Labuan dan juga Sarawak memandangkan penerimaan rakyat terhadap kerajaan Barisan Nasional pada amnya di seluruh negara dan memanglah menjadi hasrat kita supaya negara ini merupakan satu paduan politik yang kukuh, satu bangsa, satu negara, satu bahasa dan satu jiwa bangsa.

Hal ini telah dapat diterima sepertimana yang disebut tadi oleh wakil rakyat dari Sabah di mana Sabah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong semalam, dia cuma berpeluang melawat Sabah baru 3 kali dan barangkali dia tidak tahu bahawa bahasa Melayu ini amat perlu sebagai bahasa perpaduan negara di Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Apatah lagi sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Santubong tadi, bahawa Sarawak memang bersedia untuk bersama-sama dengan Kerajaan Barisan Nasional sejak awal lagi hingga ke hari ini.

Dalam perbahasan semalam kita dapati Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun, yang merupakan seorang pembangkang tidak menyebut bingkangan. Begitu juga Yang Berhormat dari Tumpat, Yang Berhormat dari Kepong, kerana ini

merupakan satu pendekatan yang cukup murni, satu pendekatan yang cukup baik barulah fikiran yang bernas, idea yang bernas selalunya dicetus oleh Barisan Nasional. Kalau kita sama-sama ingat semalam, bahawa Yang Berhormat dari Kubang Kerian dalam perbahasannya semalam takut kepada helikopter yang berada di Gua Musang. Sebab itu barang kali dia terlupa untuk membangkang Rang Undang-undang ini. Maklumlah, ada pepatah Cina yang mengatakan, "Bila kamu dalam keadaan marah, kamu berada dalam keadaan susah hati, jangan kamu cuba menjawab, disorak orang". Barang kali keadaan itulah Yang Berhormat Kubang Kerian terlupa semalam untuk membangkang Rang Undang-undang ini ataupun sengaja dilupakan. Maklumlah perkara yang saya sebut tadi, "Idea yang baik ini dicetuskan oleh Barisan Nasional demi untuk perpaduan negara".

Tuan Yang di-Pertua, dari segi mengkaji dialek adalah satu pendekatan yang baik tetapi untuk menggunakan dialek-dialek ini dalam Dewan ataupun di tempat-tempat tertentu yang difikirkan sesuai sahaja yang boleh kita gunakan. Kalau hendak guna dialek Parit, bagaimana hendak sebut 'Kota Melaka?' Bagaimana kita hendak sebut 'Kota Samarahan?' Jadi, dalam keadaan tertentu sahaja barang kali kita izinkan supaya dialek-dialek ini dapat digunakan. Begitu juga kalau negeri saya, barang kali ada sebutan yang Tuan Yang di-Pertua sendiri tidak faham. Kalau sebut 'gerek' barang kali Tuan Yang di-Pertua tidak tahu. Barang kali Yang Berhormat dari Kulim—Bandar Baru faham. 'Gerek' ertinya 'basikal'.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dalam Dewan yang mulia ini cuma Bahasa Malaysia yang baku sahaja diizinkan, bukannya dialek ataupun loghat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, boleh juga digunakan istilah-istilah tertentu dari dialek-dialek tertentu dalam keadaan tertentu. Kita tidak boleh bebaskan, nanti disalah fahamkan di dalam Dewan ini dan di samping itu juga, dari segi pengamatan bahasa dan pengamalan bahasa dari segi pembakuan sebutan dan sebagainya juga adalah amat perlu. Misalnya dalam Dewan ini pun, ada Yang Berhormat yang menyebut, "Tuan Yang di-pertua, terima kasih". Itu tidak betul. Ini Yang Berhormat dari Tuaran selalu sebut, "Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua". (*Ketawa*) Jadi, ini pembakuankah, Tuan Yang di-Pertua? Jadi, perkara-perkara beginilah untuk kita seragamkan, mewujudkan satu rupa bangsa melalui satu bahasa.

Begitu jugalah dari segi pinjaman istilah-istilah antara kaum juga patut dibolehkan misalnya dalam bahasa Melayu sendiri, 'sabun' adalah istilah Cina dan sekarang diterima sebagai istilah Melayu. Begitu juga dalam bahasa Hokkien. Istilah Melayu dipinjamkan oleh golongan Hokkien., 'Kahwin', Hokkien sebut 'kahwin' juga. 'Bangku' disebut 'bangku'. 'Sayang' disebut 'sayang'. Itu sebagai contoh-contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua,

Begitu juga dari segi wartawan surat khabar patutnya memilih istilah-istilah yang tepat untuk tajuk-tajuk berita. Saya

teringat kepada satu tajuk berita dalam akhbar baru-baru ini yang berbunyi, "Lelaki mati ambil selipar hanyut". "Lelaki mati ambil selipar hanyut"— yang itu saya hairan. Budak-budak pun akan takut ke sungai sebab "lelaki mati ambil selipar hanyut". Sudah mati ambil selipar hanyut. Macam mana boleh ambil, Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa perbincangan Rang Undang-undang ini mendapat sokongan keseluruhannya baik dari Barisan Nasional mahupun dari pihak pembangkang. Jadi, saya tidak was-waslah bahawa keharmonian ini akan diterima oleh seluruh rakyat Malaysia kerana penggunaan bahasa yang baik itu sebenarnya mencerminkan pemikiran kita yang baik. Jadi, penyatuan bahasa itu merupakan satu penyatuan bangsa demi untuk kekukuhan negara.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Balik Pulau. Selepas Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

4.47 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil masa yang lama kerana penguasaan bahasa Melayu saya sendiri pun kurang mantap. (*Ketawa*) Hendak disalahkan DBP pun rasanya tidak patut kerana saya adalah produk ataupun hasil daripada persekitaran saya, (*Ketawa*) Persekitaran yang saya dibesarkan ini termasuk segala akta, undang-undang, institusi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana mengemukakan pindaan-pindaan yang ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal bahasa ini, saya mengambil pendirian bahawa melihat kepada bahasa sebagai satu terbitan sosio-budaya dan sejarah kelompok manusia yang menggunakan bahasa itu sendiri. Dalam konteks ini saya melihat pertumbuhan bahasa, memantapan bahasa itu adalah berkait rapat dengan pembangunan dan kemantapan institusi-institusi yang ada pada bangsa yang menggunakan bahasa itu sendiri sebab kalau bangsa yang menggunakan bahasa itu telah pupus, maka bahasa itu sendiri pun akan pupus.

Oleh sebab saya mengambil sikap bahawa pendefinisian bahasa sebagai berkait rapat dengan aspek sosio-budaya dan sejarah bangsa yang menggunakan itu, saya rasakan saya menggunakan takrif bahasa yang sangat demokratik. Saya rasa bahasa Melayu telah lama wujud dan telah melalui proses kemantapan yang sudah lama dengan peredaran masa, diikuti dengan pengukuhan institusi-institusi yang ada pada bangsa yang menggunakan bahasa Melayu ini. Keadaan ini berlaku tanpa DBP ada pun. DBP ada pada tahun 1959 tetapi proses pembangunan bahasa Melayu ini telah berjalan dan mempunyai akar umbi institusi-institusi sokongannya jauh lebih lama daripada ada satu institusi seperti DBP untuk mengawal ataupun membakukan bahasa Melayu itu sendiri.

Saya berpendapat bahawa pengguna bahasalah yang menentukan apakah

bahasa itu. Kalau kita di Dewan yang mulia ini berdepan dengan benda ini kalau kita tidak panggil 'microphone' tetapi kita semua bersetuju bahawa kita hendak panggil benda ini 'ekk' dan semua orang faham yang ini 'ekk' tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua kata yang ini bukan 'ekk' tetapi 'ukk' maka bahasa yang diterima itu ialah 'ukk'. Jadi, saya mengambil sikap yang sebegini. Dalam konteks ini, perlulah jelas bahawa apakah peranan DBP sebenarnya?

Seperti yang tertulis pada pindaan Akta ini, peranan DBP sebenarnya ialah sebagai satu agen yang menyelaraskan perkembangan bahasa. Saya tidak merasakan DBP bertanggungjawab untuk mendefinisikan atau menentukan apakah dia bahasa itu sebab tujuan kajian untuk bahasa dilakukan oleh ilmuan-ilmuan atau para sarjana bahasa, tetapi DBP mempunyai peranan dalam penyelarasan dan penggalakan penggunaannya.

Jadi, DBP punya peranan yang saya nampak, yang ketara sebab pengukuhan bahasa hanya datang daripada penggunaannya dalam konteks sosio-budaya. Saya rasakan peranan DBP lebih kepada memantapkan, mempelbagaikan dan menggalakkan penggunaan bahasa itu dalam institusi-institusi sosial dalam karya-karya, dalam kesusasteraan, dalam drama, dalam lagu dan dalam apa juga benda yang dialami dan dihayati oleh masyarakat. Dengan menggalakkan penggunaan bahasa di peringkat itu, barulah bahasa itu menjadi suatu yang dekat kepada pengguna bahasa dan bahasa itu tidak akan pupus dan tidak akan mati.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi oleh sebab saya mempunyai pendirian yang saya katakan tadi, satu pendapat saya ialah saya tidak berapa setuju tentang jika baku itu ditakrifkan sebagai menseseragamkan, saya merasakan usaha yang sedemikian adalah agak illitis. Maknanya kita mendefinisikan bahasa itu sebagai suatu sahaja dan kemungkinan hanya sebilangan kecil masyarakat kita yang menggunakan bahasa itu dan memahami bahasa itu. Kita menidakkan semua dialect atau apa juga kekayaan ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Parit tadi.

Berkenaan baku itu, saya harap yang dimaksudkan dengan baku dalam pindaan ini adalah baku itu baku dari segi nahunya. Nahunya mesti betul. Ejaannya mesti betul, apa juga perkataan yang digunakan, tetapi sebutannya tidak perlu hendak dibakukan. Ini ada percanggahan pendapat dengan rakan-rakan saya di sebelah sini sebab saya tidak setuju misalnya sebutan itu hendak dibakukan. Kita tahu hukum-hukum nahu, itu yang standard. Yang itu tidak siapa boleh mempertikaikan. Jangan kita ubah-ubah selalu hukum nahu ini dengan penggunaan imbuhan di sana-sini. Ejaannya pun baku—maknanya standard, tetapi sebutannya tidak perlulah hendak kita bakukan.

Saya setuju dengan apa yang dianjurkan oleh Yang Berhormat dari Parit. Misalnya, kita hendaklah menggunakan kekayaan yang ada dalam bahasa Melayu dalam sejarah di Semenanjung mahupun di sebelah Sabah dan Sarawak untuk

memperkayakan lagi bahasa ini. Kalau kita mengambil sikap yang illitis, yang berkecuali, maka bahasa Melayu akan menjadi satu bahasa yang tidak relevant.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi aktiviti yang dijalankan oleh DBP, saya ingin mengucapkan tahniah, pertamanya untuk peranan DBP dalam menyelaras usaha mengumpul istilah-istilah. Sebagai seorang yang dahulunya terlibat dalam hal mengajar, saya rasa amatlah susah untuk mengajar tanpa ada satu kumpulan istilah yang tertentu.

Untuk ini saya mengucapkan terima kasih kepada DBP dan untuk usaha penterjemahan-penterjemahan buku-buku ilmiah juga, sebenarnya DBP patut diberi pujian untuk mempelopori satu bidang yang sebenarnya tidak berapa menguntungkan sebab permintaan pasaran untuk buku-buku demikian adalah kecil. Saya difahamkan, banyak buku-buku terjemahan yang diterbitkan oleh DBP sendiri pun tidak laku. Dengarnya, saya ada terbaca, hampir RM50 juta buku-buku yang diterbitkan itu tidak laku.

Jadi, saya rasakan, antara kelemahan usaha penterjemahan, terutamanya buku-buku ilmiah adalah buku-buku yang diterjemahkan itu kebanyakannya adalah buku-buku yang sudah lama. Pada pendidikan di peringkat universiti misalnya, kalau buku yang sudah lima, enam atau tujuh tahun, maka buku-buku itu tidak dikira lagi standard di dalam mana-mana bidang pun. Banyak buku yang diterjemahkan oleh DBP adalah daripada buku-buku jenis itu.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang Melayu dan DBP ini, saya juga

terpaksa bercakap tentang bahasa Inggeris. Ini paradoks yang disebut oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju. Saya rasakan perdebatan di antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu ini juga merupakan satu isu yang sebenarnya bukan isu atau non-issue. Saya rasakan masalah yang kita hadapi sekarang ialah masalah tidak cukup kita ajar dan kita tekan bahasa Inggeris, bukannya kita hendak ketepikan bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang terdahulu daripada ini terlibat dalam pendidikan di IPT, kita merasakan penekanan rasmi yang diberi kepada bahasa Melayu dalam pendidikan pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah, tetapi tanpa disusuli dengan penekanan yang sama untuk bahasa Inggeris telah sebenarnya sangat-sangat merugikan pelajar-pelajar Melayu. Kita rasakan bahawa pelajar-pelajar Melayu, bila tiba di peringkat Institut Pengajian Tinggi begitu cacat sekali kerana mereka hanya menguasai bahasa Melayu. Kerana satu dunia yang begitu luas—dunia ilmu yang begitu luas tertutup bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat susah untuk seorang yang kalau dia tidak bina satu tabiat membaca—pada umur 19 atau 20 tahun baru hendak membaca, terutama di dalam satu-satu bahasa yang baru. Jadi, saya fikirkan soal penekanan kepada bahasa Inggeris ini juga haruslah setimpal dengan keghairahan kita untuk mendaulatkan bahasa Melayu di Malaysia.

Akhirnya saya hendak menimbulkan dua masalah kepada DBP yang saya

rasakan akan menjadi masalah yang sangat merumitkan untuk DBP melaksanakan tanggungjawab yang diberi kepadanya. Pertamanya ialah proses globalisation yang dialami dunia sekarang, terutamanya dari segi globalisasi ekonomi dunia yang mana Malaysia adalah satu peserta aktif dalam proses ini. Maka, dengan adanya interaksi antarabangsa ini, keadaan ini menuntut manusia mencari satu bahasa komunikasi yang sama untuk menyelesaikan apa juga rundingan dan pertukaran.

Adalah jelas bahawa komunikasi antarabangsa untuk tujuan perniagaan dan ekonomi adalah bahasa Inggeris. Sebagai satu negara perdagangan yang besar di dunia ini, maka Malaysia juga terbawa dengan arus ini. Oleh itu bahasa Inggeris menjadi satu bahasa keperluan untuk negara. Kita tidak ada satu pilihan lain daripada memastikan bahawa sistem pendidikan kita mengeluarkan mereka yang berkebolehan untuk bertutur dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahasa Melayu tidak mungkin dapat menandingi bahasa Inggeris sebagai satu bahasa perdagangan antarabangsa. Saya tidak mendapat apa-apa kepuasan daripada mengatakan statement yang saya kata tadi, sekadar menyatakan bahawa itu adalah hakikatnya.

Yang kedua, yang merupakan masalah kepada DBP ialah dengan pertumbuhan ekonomi negara yang begitu pesat dan sebagai satu ekonomi yang semakin matang, sektor awam semakin hari akan menjadi satu sektor yang semakin kecil secara relatifnya.

Maka, kita dapati bahawa yang mendokong penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan adalah sektor ini. Tetapi pada masa-masa ke depannya, sektor ini secara relatifnya akan menjadi satu sektor yang lebih kecil dan sektor yang bukan awam atau sektor swasta akan menjadi sektor yang lebih besar. Sektor yang bukan swasta kebanyakannya terlibat dalam perdagangan antarabangsa yang saya maksudkan tadi.

Maka di sektor sebelah situ, bahasa Inggeris akan menjadi bahasa yang digunakan. Maka di situ timbul masalah ataupun cabaran kepada DBP. Saya tidak nampak ada percanggahan dari segi peningkatan bahasa Inggeris untuk pembangunan negara dengan usaha kita untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Saya tidak lihat ada percanggahan itu tetapi dalam konteks yang saya sebut terutama dalam konteks dua perkara yang saya sebutkan tadi, saya rasakan kita boleh mengekalkan untuk mencapai kedua-dua matlamat kalau kita sebenarnya meletakkan matlamat pendidikan kebangsaan sebagai dwi-bahasa. Maknanya kita kena boleh berbahasa dua bahasa. Tetapi saya rasakan yang lebih penting untuk mengekalkan bahasa Melayu, untuk terus menghidupkan bahasa Melayu ialah dengan menjadikan apa juga bahasa Melayu yang hendak dijadikan bahasa Melayu standard itu sebagai sesuatu yang relevan dalam hidup orang hari-harian. Bukan hidup orang di universiti, bukan hidup orang yang di peringkat yang terpelajar tetapi hidup

orang di serata pelosok negara kita, setiap peringkat.

Jadi, sebab itulah saya rasakan kita hendaklah mengambil satu sikap yang konservatif sebenarnya, bukan liberal. Konservatif maknanya kita mengekalkan segala institusi-institusi, segala dialek, segala kolokialisma yang orang sebutkan itu dan kita juga harus peka dengan pembangunan. Sekarang saya dapati misalnya ada satu subculture baru di kalangan belia atau pemuda-pemuda. Bahasa yang digunakan oleh mereka adalah satu variation bahasa Melayu tetapi sesuatu yang begitu pelik sedikit untuk orang yang tidak berapa tua macam saya. Tetapi bahasa ini bukan digunakan oleh orang yang tidak berpelajaran tetapi digunakan oleh satu golongan manusia yang muda. Kalau bahasa Melayu hendak dijadikan relevan, maka bahasa-bahasa yang semacam ini pun kena dikira sebagai relevan dan diketengahkan dalam bentuk-bentuk yang sesuai supaya bahasa itu menjadi relevan kepada golongan yang muda itu.

Jadi, dengan adanya cabaran globalisation yang saya maksudkan tadi kita tidak dapat mengekalkan bahasa Melayu kalau kita mengharapkan bahasa Melayu hendak dijadikan bahasa perdagangan antarabangsa, bahasa diplomasi antarabangsakah, saya berpendapat bahawa itu semua tidak mungkin. Jadi, saya hendak supaya DBP lebih menekankan kepada pembangunan penggunaan bahasa Melayu dalam aspek sosio budaya masyarakat di Malaysia dan supaya DBP tidak mengambil satu sikap yang elitis, tidak mengambil satu

sikap yang cuba hendak membakukan bahasa Melayu sehinggakan hanya segelintir manusia sahaja yang faham dan dapat bertutur ataupun berkomunikasi menggunakan bahasa yang tersebut. Sebab saya rasa kalau itulah pendekatan yang digunakan maka ledakan pertumbuhan ini menjadikan bahasa Inggeris satu bahasa yang penting dan bahasa Melayu akan berada dalam satu keadaan yang keliru dan yang baku itu menjadi sesuatu yang dipinggirkan sahaja. Jadi, kita hendaklah dalam menjamin bahasa Melayu akan terus menjadi satu bahasa yang hidup, bahasa yang relevan, satu bahasa yang dihayati oleh penggunaanya dan dipenuhi dengan cabaran yang ada, kita hendaklah menjadikannya sesuatu yang dekat dengan orang. Hendak beri dekat dengan orang, orang kena guna bahasa itu dan orang gunakan bahasa itu dalam semua kegiatan sosialnya. Dalam apa yang bersifat estetik padanya. Dalam lagu-lagu, dalam drama, dalam pementasan dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan pendapat itu apa lagi saya hendak kata. Apa hendak kata, masa pun sudah hendak habis. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

*5.05 ptg.*

**Menteri Pendidikan (Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima

kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan perluasan) 1995.

Ada satu keistimewaan yang amat jelas di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini ialah pertamanya dilihat dari segi minat Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian.

Kedua ialah bahawa Rang Undang-undang ini mendapat sokongan sebulat suara bukan sahaja di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Barisan Nasional tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang juga turut memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya anggap sebagai satu manifestasi bahawa perjuangan untuk mendaulatkan bahasa kita dan meletakkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sudah tidak lagi menjadi persoalan, malah sekarang ini kita masuk kepada satu era di mana Rang Undang-undang yang asal yang telah dibuat pada tahun 1959 perlu dipinda supaya peranan Dewan Bahasa dan Pustaka bertambah lebih berkesan, dapat ditingkatkan dan dapat meletakkan bahasa Malaysia kita dan bahasa Melayu kita sebagai bahasa yang digunakan secara lebih meluas dan merupakan satu bahasa yang boleh digunakan di dalam semua aspek kehidupan di dalam negara kita.

Ada lima fungsi ataupun aspek penting yang menggariskan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka selepas Rang Undang-Undang ini diluluskan, yakni:

- (i) Dewan Bahasa dan Pustaka akan menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan supaya ia akan digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa;
- (ii) untuk membina dan memperkaya Bahasa Kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi;
- (iii) untuk menggalakkan termasuk memberi arahan, ulasan nasihat, bantuan, bimbingan, latihan atau pengawasan;
- (iv) untuk memperluaskan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka ke Sabah dan ke Sarawak; dan
- (v) untuk membolehkan apa jua bidang tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka, kalau difikirkan sesuai maka bidang-bidang itu boleh diswastakan.

Lima aspek ini adalah dengan jelasnya menggambarkan komitmen dan iltizam pimpinan negara kita untuk mengembangkan lagi penggunaan bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia.

Maka kalaulah Ahli Yang Berhormat dari Tumpat hendak mengatakan bahawa PASlah parti yang lebih berjasa, maka kita boleh lihat dari segi sejarah perjuangan untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia kita ataupun bahasa Melayu kita, tidak ada sesiapa pun yang dapat menafikan bahawa yang banyak berjasa,

yang telah berjuang menegakkan Bahasa Malaysia kita ialah pejuang-pejuang dari parti UMNO dan Barisan Nasional. *(Tepuk).*

Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli Yang Berhormat yang berucap yang sangat tertarik kepada usaha pembakuan bahasa. Ada yang memberi beberapa pandangan. Misalnya Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong ada sebut berkenaan dengan perkataan "universiti" sepatut disebut "yuniversiti" dan Ahli Yang Berhormat dari Parit juga turut menyatakan sedemikian.

Sebenarnya, soal pembakuan ini terbahagi kepada tiga aspek iaitu pertama dari segi sebutan; kedua dari segi perkataan dan ketiga dari segi tatabahasa. Jadi, ketiga-tiga ini apabila diamalkan maknanya pembakuan itu berjalan sepenuhnya. Kalau sebahagian diamalkan, pembakuan berlaku tetapi tidak sepenuhnya. Umpamanya kalau dari segi TV3 boleh dikatakan pembakuan sepenuhnya. Dari segi RTM pembakuan dari segi sebahagian, tidak dari segi sebutan tetapi dari segi perkataan dan tatabahasa.

Berhubung dengan perkataan "universiti", kita sebenarnya menyebut "yuniversiti" sebab kita sudah biasa menyebut "yuniversiti" dari perkataan bahasa Inggeris disebut "yuniversiti". Tetapi apabila kita membakukan perkataan 'universiti', sudah tentu kita perlu menggunakan prinsip dalam bahasa kita. Dalam bahasa Melayu kita, kita sebut "U" itu sebagai "ou". Misalnya, ubi. Dia "ubi" bukan "uubi". "Untung" bukan "yuntung". "unggas" bukan "yunggas". Jadi, sebab itu bila

kita sebut, kita gunakan perkataan "universiti", jadi "universiti" Jadi, kita sudah membakukan sebutan mengikut prinsip, amalan dalam bahasa kita sendiri. Jadi, soal kejanggalan itu sebenarnya janggal kepada kita, yang mana kita biasa, membesar di dalam menggunakan sebutan zaman pembakuan. Tetapi anak-anak kita, bila disebut cara baku, memang sedap didengar. Kita semua mungkin sukar hendak menyebut secara baku. Saya sendiri sebagai Menteri Pendidikan pun, tidak sebut secara baku. Tetapi mujurlah itu bukan pra-syarat menjadi Menteri Pendidikan. (*Ketawa*) Boleh sebut bukan secara baku. Tetapi anak-anak kita boleh sebut dengan cara baik, baku dan apabila kita dengar, sedap didengar. Kalau kita dengar siaran dalam TV3 sedap juga didengar, dia baca berita sedap. Apatah lagi yang baca itu agak jelita sedikit, (*Ketawa*) lebih diminati oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian. (*Ketawa*).

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, sedarkan Menteri Pendidikan bahawa ejaan baku ini meneggelamkan ejaan asal usul bahasa Melayu iaitu bahasa Melayu berasal kebanyakannya dari bahasa Arab, India dan lain-lain. Hilangnya bunyi huruf-huruf Al-Quran, misalnya, perkataan "ni'mat". Dulu dieja ada koma untuk membunyikan huruf ain. Sekarang dalam bahasa baku dibunyi "nikmat". Maka, begitulah juga perkataan

"ma'mur" "min, ain" iaitu diletakkan koma untuk membunyikan huruf ain. Tetapi sekarang sudah jadi "makmur". Lama-kelamaan anak-anak kita sudah hilang tidak boleh lagi sebut sebutan Al-Quran, sebutan Arab dengan bahasa buku ini. Apakah kerajaan bercadang untuk menghidupkan balik bunyi bahasa-bahasa itu—"makmur, Abdul" Bukan "Abdul"—"Abdul Razak", jadi dia ada "ain", bukan "a". Jadi, di sini bahasa baku itu menghapuskan sebutan bunyi Al-Quran. Adakah Menteri Pendidikan sedar akan perkara ini?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menyamakan soal usaha pembakuan ini dengan soal usaha kita untuk mengembangkan lagi pengetahuan dalam agama. Sebab, kalaulah kita kaitkan, ini bahasa, ini bukan agama. Usaha kita untuk menegakkan lagi agama Islam dan menguatkan lagi asas pengetahuan agama Islam tetap berjalan. Dalam soal bahasa, kita ada tradisi kita, kita ada sejarah kita. Maka kita harus menggunakan cara kita sendiri sebab kita hendak identiti kita sendiri. Jadi, kita tidak boleh hendak campuraduk dengan identiti sebab identiti dari tempat lain, ia ada sejarah dan tradisi tempat ia sendiri. Kita ada tradisi sejarah kegemilangan bangsa kita sejak dahulu lagi. Jadi, apakah kita hendak menenggelamkan nilai sejarah kita, peradaban kita. Sepatutnya Ahli Yang Berhormat lebih cinta kepada sejarah bangsa Melayu kita daripada kita hendak mengimport daripada negara lain.

**Tuan Haji Mohamd bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, di sini bukan

perdebatan setuju atau tidak setuju. Profesor Syed Mohd. Najib Al-Atas mengatakan bahawa bahasa Melayu asanya itu. Dengan sebutan bahasa baku, sebenarnya Indonesia sendiri tiru daripada Belanda. Akhirnya, dalam masa 20-30 tahun, anak-anak kita terutama anak-anak Melayu susah hendak menyebut huruf Al-Quran. Sekarang ini misalnya, orang Melayu bila dia baca Al-Quran, orang Arab pun hairan, dia sebut sebutan itu. Misalnya "ma'mur"—"min, ain". Kenapa kita hendak "makmurkan" sedangkan bahasa asalnya ialah "ma'mur". "ni'mat". "Abdul"—semuanya ini bersangkut-paut dengan vokal bunyi. Sebab itu Profesor Syed Najib dalam pandangan-pandangan beliau dan juga Profesor Shahnnon dan juga profesor lain mengatakan bahawa bahasa baku perlu dikaji semula kerana dia menghapuskan identiti bahasa itu sendiri. Sebab ini bahasa-bahasa baru yang diveduk masuk bunyinya berlainan. Itu bukan masalah kita bertentangan di sini. Di sudutnya mengapa kita hendak ambilkan satu bahasa yang akhirnya originalnya hilang, sedangkan itulah ditutur oleh kita bertahun-tahun dengan vokal hurufnya daripada bahasa Al-Quran kerana kita bahasa Melayu ini, khazanahnya 60%-70% daripada bahasa Al-Quran itu pandangan saya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan Ahli Yang Berhormat, tetapi sejak dasar pembakuan dijalankan, kita lihat bahawa soal pengetahuan dan sebutan dalam bahasa Arab tidak menjadi masalah di kalangan murid-murid kita. Jadi, kita

tidak menghadapi masalah dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal bahasa daerah, bahasa loghat, bahasa tempatan dan sebagainya, ini satu perkara yang sangat menarik dan ramai Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian telah menyentuh tentang perlunya kita memberi perhatian kepada bahasa daerah, loghat, tempatan dan sebagainya.

Sebenarnya, dalam perkembangan bahasa kita dan hasil daripada peranan Dewan Bahasa dan Pustaka, kita telah memperkaya bahasa kita dengan menggunakan banyak bahasa daerah dan loghat tempatan dan dijadikan sebagai bahasa rasmi kita dalam Kamus Dewan. Umpamanya, Kamus Dewan kita sudah ada 68,000 kata-kata baru dan ini merupakan satu peningkatan. Kalau dulu mungkin dalam lingkungan 30,000 atau 40,000 sahaja.

Ada banyak contoh kata-kata daerah ataupun kata-kata tempatan yang telah dimasukkan sebagai kata-kata rasmi kita. Umpamanya, perkataan "canggih". Ini bukan satu perkataan baru, satu perkataan daerah sebenarnya. Tetapi sudah dipopularkan, sudah dikatakan menjadi bahasa rasmi kita. Umpamanya, perkataan "rinci" yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. "Rinci" adalah merupakan perkataan Melayu asal. Tetapi kita jadikan sebagai satu kata rasmi dalam Kamus Dewan. Begitu juga kita tidak lupa kepada pengaruh ataupun kesan daripada wilayah-wilayah yang lain, umpamanya Sabah dan Sarawak. Umpamanya, perkataan "merarau". Ini sudah jadi

perkataan rasmi di dalam Kamus Dewan—"merarau". "merarau" dan "kudapan". "Merarau" asalnya satu perkataan dari Wilayah Sarawak, maknanya makan tengah hari, jadi "merarau". "Kudapan" ialah makan ringan. Ini juga dari Wilayah Sarawak.

Satu lagi kita dengar di Sabah, tetapi belum lagi masuk sebagai perkataan rasmi ialah 'gabi' bermaksud 'makan malam'. Tetapi mungkin 'gabi' itu dekat-dekat dengan 'babi'—agaknya, (*ketawa*) mungkin tidak akan jadi popular. Kalau dia tidak ada sambutan, kita tidak akan angkat dia sebagai satu perkataan rasmi. Jadi, kalau popular kita terima, dari bahasa lain pun kita terima, umpamanya 'bohsia', 'bohsia' perkataan dari bahasa Hokkien, maksud 'tidak ada bunyi'—no sound. (*Ketawa*) Jadi, 'bohsia' sudah ada dalam Kamus Dewan. Oleh itu tidak adalah salahnya kalau kita hendak cuba memperkenalkan sesuatu perkataan, umpamanya saya boleh sebut di sini, ada dua cara. Satu sebutan itu atau perkataan itu merupakan perkataan daerah—ada, selepas itu kita ketengahkan, mungkin ini peranan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ada juga perkataan yang tidak ada, tetapi boleh diadakan, misalnya bila disebutkan oleh seorang pemimpin negara, dahulu tidak ada, sekarang ini ada, dapat sambutan dan diterima baik. Umpamanya perkataan 'mampan', ini tidak ada, tetapi apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebut dalam Ucapan Belanjawan, ekonomi yang mampan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sustainable, jadi popular, dapat sambutan. Jadi, sekarang ini 'mampan' sudah masuk dalam

Kamus Dewan. Ini adalah satu peranan juga yang boleh dimainkan oleh pemimpin-pemimpin kita.

Sepertimana Yang Berhormat dari Kepong sebut 'graha' belum lagi kita terima, tetapi kalau tidak popular, tidak akan diterima. (*ketawa*).

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah dasar kerajaan bagi setiap pemimpin untuk memetik perkataan dan untuk disebutkan di dalam urusan rasmi dan kemudian dipopularkan. Adakah dasar begitu?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** saya sudah kata, Tuan Yang di-Pertua, kita patut mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita yang berbuat demikian. (*Tepuk*) Ini memperkaya bahasa kita. Malangnya apabila Yang Berhormat dari Kepong sebut, dia tidak jadi popular lagi (*Ketawa*) mungkin nasibnya kurang baik, tidak masuk dalam Kamus Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Hulu Langat ada bertanya berkenaan dengan soal mana satu yang kita hendak sebut sekarang ini, bahasa Melayukah, Bahasa Malaysiakah atau Bahasa Kebangsaan. Istilah bahasa Melayu dimaksudkan kepada istilah 'bahasa' yang secara ilmiahnya dikenali di serata dunia sebagai bahasa lisan dan bahasa persuratan di kepulauan Asia Tenggara. Bahasa Melayu dalam konteks ini adalah merujuk kepada Bahasa Kebangsaan di beberapa buah negara serantau dikenali sebagai Bahasa Malaysia, bahasa Indonesia, bahasa Melayu Brunei,

bahasa Melayu Singapura dan bahasa pertuturan di Wilayah Selatan Thailand dan di Selatan Filipina. Bahasa ini pada masa sekarang sedang diajar dan dipelajari di beberapa buah negara di Asia, di pusat-pusat pengajian tinggi dan menjadi kajian di beberapa institusi-institusi penyelidikan asing di Eropah dan Amerika. Dalam bahasa Inggeris istilahnya ialah 'The Malay Language' dan dalam konteks negara kita, Malaysia—bahasa Melayu. Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi juga disebut sebagai Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil.....

**Dr. Tang Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Indonesia dia tidak menganggap istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat tadi sebagai yang diertikan. Mereka menganggap bahasa mereka bahasa Indonesia, bukan di dalam konteks yang disebutkan oleh Yang Berhormat—bukan. Kalau boleh Yang Berhormat, membuat satu kajian.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, bahasa Indonesia itu asasnya

adalah bahasa Melayu, sebab itulah kita di Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia, bahasa Melayu dan juga Bahasa Kebangsaan. Jadi, kita mengambil sikap yang agak pragmatik, di mana mengikut keadaan dan situasi. Kalau situasinya memerlukan Bahasa Malaysia, kita gunakan Bahasa Malaysia dan kalau situasinya memerlukan bahasa Melayu kita gunakan bahasa Melayu. Kita gunakan istilah bahasa Melayu mengikut keadaan dan ada hikmatnya. Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya, untuk mengembangkan Bahasa Kebangsaan di Sabah dan Sarawak lebih berkesan kalau kita gunakan istilah Bahasa Malaysia sepertimana disebut oleh Yang Berhormat dari Bandau bahawa bapanya menggalakkan dia belajar Bahasa Kebangsaan, tetapi apabila dipersoalkan itu bukan bahasanya dia kata itu adalah Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia ialah bahasa kita. Jadi, ini adalah satu pendekatan yang berhikmah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa Yang Berhormat dari Kepong adalah tidak mengetahui sejarah, kerana bahasa Indonesia itu adalah bahasa Melayu yang dipilih oleh Sukarno untuk menjadi bahasa Indonesia, dengan sumpah Pemuda pada tahun 1945. Jadi, bahasa Indonesia itu adalah bahasa Melayu pasar yang dipilih oleh Sukarno untuk dijadikan bahasa Indonesia. Jikalau dipercakapkan sekarang, bahasa Indonesia dikatakan bahasa Melayu, adakah Yang Berhormat Menteri setuju

dengan saya bahawa Yang Berhormat dari Kepong buta sejarah? (*Ketawa*)

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata itu adalah benar, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Memang asal-usul bahasa Indonesia itu adalah bahasa Melayu, walaupun bahasa Jawa lebih kuat pada masa itu, tetapi keputusan dibuat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun lagi, ya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Ada lagi!

**Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa interpretasi Yang Berhormat Menteri tadi terlalu luas. Jadi, bagaimanakah semasa peperiksaan SRP, SPM, STPM, adakah kertas soalan itu di dalam Bahasa Malaysia atau di dalam bahasa Melayu, mengikut interpretasi Yang Berhormat Menteri hari ini?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan gunakan istilah ini mengikut situasi. Kalau dalam sekolah-sekolah kita, kita mungkin menggunakan Bahasa Malaysia, tetapi di peringkat institusi pendidikan tinggi Jabatan Penggajian Melayu itu tetap kekal sebagai Jabatan Penggajian

Melayu. Jadi ada hikmah dari segi pendekatan seperti ini, sepertimana saya terangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka memang akan ditingkatkan melalui pindaan Akta ini dan berdasarkan kepada peruntukan di dalam Akta yang baru ini, Dewan akan memberi arahan, ulasan, nasihat, bantuan bimbingan, latihan dan pengawasan.

Kita akan berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Tempatan umpamanya dari segi papan tanda, dari segi nama jalan dan sebagai supaya penggunaan Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan ditingkatkan dan penggunaannya cara betul. Dalam aspek ini kita tidak mampu atau tidak wajar menggunakan paksaan dengan mengenakan denda, Tuan Yang di-Pertua, lebih berkesan kalau sekiranya bahasa itu diterima sebagai satu perkara yang perlu dilakukan tanpa menggunakan kuasa ataupun denda yang boleh menimbulkan rasa tidak senang ataupun reaksi yang negatif. Lagi pun Kerajaan-kerajaan Tempatan sudah ada cukup kuasa untuk menentukan sesuatu kelulusan. Umpamanya dari segi nama jalan boleh dilakukan dengan kuasa yang sedia ada, malah setakat ini pun sudah banyak jalan-jalan yang sudah ditukar nama. Umpamanya, Jalan Mountbatten sudah jadi Jalan Tun Perak, Jalan Pekeliling sudah jadi Jalan Tun Razak dan sebagainya. Jadi, usaha ini akan kita teruskan supaya peranan Dewan lebih menyerlah dan lebih berkesan lagi.

Saya akan minta Dewan Bahasa dan Pustaka supaya menekankan peranan ini lebih lagi selepas akta ini diluluskan oleh Parlimen. Kalau Ahli Yang Berhormat juga ada pandangan bahawa peranan Dewan dikatakan "low profile" setakat ini, ini disebabkan kita belum lagi meminda akta ini. Apabila akta ini sudah dipinda, insya-Allah, peranan Dewan akan bertambah lebih berkesan dan lebih bermakna lagi.

Dalam perkara ini, dalam usaha kita untuk mengangkat martabat dan darjat bangsa dan bahasa kita, kita tidak boleh berharap kepada pihak Dewan sahaja. Sebenarnya kuasa ada di tempat lain. Kuasa ada di peringkat Majlis Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran, Kerajaan Negeri dan kementerian-kementerian yang lain. Ini merupakan dokongan dan perjuangan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat yang menyebut tentang penggunaan Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Kebangsaan dari segi sistem pendidikan kita. Saya suka menjelaskan bahawa melalui usaha yang dilakukan oleh pihak Dewan dan kerajaan, kita telah dapat meletakkan Bahasa Kebangsaan kita sebagai bahasa pengantar di semua peringkat institusi pendidikan dan kita telah juga dapat membuktikan bahawa Bahasa Kebangsaan boleh digunakan sebagai bahasa ilmu dan bahasa sains dan teknologi. Jadi, tidak ada sebab mengapa kita harus mempertikaikan keupayaan bahasa kita ataupun kita hendak meremehkan kedudukan Bahasa Malaysia kita sebagai bahasa pengantar dalam semua jenis mata pelajaran. Ini

adalah merupakan hakikat yang boleh kita buktikan bahawa usaha-usaha yang telah kita lakukan telah mengeluarkan lulusan-lulusan yang begitu ramai yang telah dapat berfungsi dengan baik, berbakti dengan baik walaupun mereka telah mempelajari jurusan masing-masing dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Kebangsaan kita.

Justeru itu, jangan ada sesiapa yang bimbang kalau sekiranya kita menyebut tentang peri pentingnya kita tingkatkan keupayaan dalam bahasa Inggeris. Saya memberi jaminan bahawa peningkatan penguasaan bahasa Inggeris tidak akan menjejaskan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Kita akan melakukan cara yang kita fikirkan paling berkesan sekali kerana kita hendakkan kedua-dua kita hendak orang kita menguasai Bahasa Malaysia dengan baik, bertutur dan menulis dengan baik dan kita hendak membuktikan bahawa kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi tidak boleh dipertikaikan.

Di samping itu, kerana realiti, kerana hasrat kita hendak meniti gelombang globalisasi, kita perlu kepada penguasaan bahasa-bahasa yang lain, bukan sahaja bahasa Inggeris tetapi juga bahasa Arab, bahasa Jerman, bahasa Jepun, bahasa Mandarin dan sebagainya. Maka kita akan menggalakkan bahasa-bahasa lain tanpa menjejaskan martabat dan maruah Bahasa Kebangsaan. Inilah pendirian yang dibuat oleh kerajaan dan dari segi pelaksanaannya nanti kita akan menggubal model yang sebaik-baiknya supaya matlamat kita tercapai dan kita

tidak menimbulkan terlalu banyak pertikaian dan debat serta kontroversi yang mungkin dikatakan berbau emosi yang mungkin akan menimbulkan terlalu banyak masalah bagi kita untuk menghuraikan dan memberi penjelasan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sama ada peranan Dewan ini boleh diswastakan; Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong ada bertanya tentang majalah Dewan Pelajar, Dewan Siswa, Dewan Masyarakat sama ada boleh diswastakan ataupun tidak. Jawabnya, boleh dipertimbangkan. Apa juga kegiatan yang dibuat oleh Dewan dengan kelulusan akta ini, insya-Allah, kita akan beri pertimbangan. Sama ada dengan penswastakan, pengeluaran penerbitan majalah-majalah ini akan bertambah lebih berkesan ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Santubong yang menerima baik perkembangan usaha Dewan Bahasa ke Sabah dan Sarawak dan saya yakin dengan perkembangan Dewan Bahasa ke Sabah dan Sarawak kita akan dapat meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Kebangsaan di Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju menyebut tentang peranan dari segi mencipta istilah. Sama ada kita ada kerjasama dengan badan-badan yang lain, pakar-pakar dalam bidang ini. Sukacita saya maklumkan bahawa Dewan sentiasa berhubung dengan pakar-pakar yang berkenaan supaya

dalam usaha pengistilahan kita yang kita lakukan nanti akan mendapat sumbangan (input) yang bermakna daripada pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan terlaksananya akta yang baru ini, maka Bahasa Kebangsaan kita akan terus berkembang, akan dapat diperkayakan melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya yakin dengan usaha yang kita lakukan ini, kita tidak akan bersifat 'elitis'. Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau menyebut tentang kebimbangannya bahawa kita akan berbau 'elitis'. Sebenarnya, apa yang kita buat ini bukan berbau 'elitis' tetapi dalam bentuk untuk menentukan keseragaman mengikut definisi pembakuan tetapi pembakuan itu tidak akan membunuh bahasa-bahasa dialek dan bahasa-bahasa daerah kita lihat bahawa di sekolah-sekolah apabila mereka diajar sebutan dari segi baku, tetapi apabila mereka balik ke rumah, mereka bercakap dengan loghat masing-masing.

Tetapi kalau kita hendak ambil kira semua loghat, memang akan bercelarulah bahasa kita. Bukan sahaja ada perkataan Yang Berhormat dari Parit umpamanya kalau kita pakai, mungkin sebutannya bukan sahaja lain, tetapi mungkin maksudnya boleh pergi ke lain. (*Ketawa*) Inilah yang kita bimbang ke lain ia pergi. Jadi bercelarulah segala keadaan. Jadi, jalan yang sebaik-baiknya ialah pembakuan, tetapi pembakuan itu secara evolusi, dan

sikap kita ialah sikap pragmatik. Sebab inilah cara sebaik-baiknya kita mendokong usaha pengembangan bahasa dan sastera kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong rang undang-undang ini. (*tepuh*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 21—*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 9, seksyen baru 6A dan 6B. Sukalah saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dengan adanya lebih banyak kuasa untuk menyelaras secara tunggal berkenaan dengan membentuk, mencipta dan membakukan istilah-istilah dalam Bahasa Kebangsaan, adakah ini bermakna, misalnya kalau papan tanda itu secara rasmi nampak tak betul, pihak DBP mempunyai kuasa untuk mengarahkan

pihak yang tertentu menukarkan tulisannya? Ataupun dengan keadaan sekarang siapa sahaja yang buat salah, nampaknya bertahun-tahun tidak diperbetulkan. Dengan adanya kuasa, adakah bermakna penguatkuasaanya akan lebih berkesan?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Pengerusi, memang benar penguatkuasaanya lebih berkesan kerana dengan adanya kuasa ini kita boleh memberi panduan kepada Kerajaan Tempatan untuk mereka menentukan penggunaan bahasa dengan betul dan baik. Tetapi kuasa untuk meluluskan papan tanda akhirnya adalah kuasa pihak Majlis Tempatan juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi serupa sahaja dengan peranan yang dahulu, kerana pada masa ini pun pihak DBP mempunyai kerjasama dengan misalnya. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), mereka mempunyai Jawatankuasa Penyelaras untuk mendapat nasihat dan sebagainya dari DBP. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak berubah?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tidak benar, Tuan Pengerusi, sebab akta ini meletakkan Dewan sebagai badan tunggal dan memberi kuasa untuk Dewan memberi arahan atas penggunaan bahasa. Tetapi papan tanda itu akhirnya kuasa Majlis Tempatan.

*Fasal 1 hingga 21* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
TABUNG ANGKATAN  
TENTERA DAN TABUNG  
BEKAS PERAJURIT  
(PINDAAN) 1995**

*5.47 ptg.*

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini ialah untuk memperluaskan tujuan Tabung Angkatan Tentera dengan menjadikan penggalakkan pembangunan sosio-ekonomi dan kebajikan anggota tentera yang akan bersara serta yang telah bersara di bawah Angkatan Tetap sebagai tujuan tambahan di bawah Tabung Angkatan Tentera dan seterusnya Tabung Bekas Perajurit akan dimansuhkan. Rang Undang-undang ini adalah juga bagi memindahkan pemberian tahunan yang telah diberikan kepada Tabung Bekas Perajurit kepada Tabung Angkatan Tentera untuk membiayai tujuan tambahan tabung ini. Pemberian tahunan ini adalah daripada Kumpulan Wang Persekutuan

Disatukan, dengan izin, 'The Federal Consolidated Fund'.

Di samping itu, rang undang-undang ini juga menetapkan syarat-syarat dan cara wang Tabung Angkatan Tentera selain daripada pemberian tahunan, digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti berkaitan dengan tujuan tambahan Tabung Angkatan Tentera.

Akhir sekali, rang undang-undang ini bertujuan menggantikan gelaran jawatan Pengurus Besar dan Timbalan Pengurus Besar dalam Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit dengan gelaran Ketua Eksekutif dan Timbalan Ketua Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, Tabung Angkatan Tentera telah diwujudkan pada 1hb Ogos 1972 melalui Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, Fungsi Tabung ini ialah untuk mengadakan faedah-faedah persaraan dan lain-lain faedah bagi anggota tentera dan menjadi pencarum dan untuk membolehkan lain-lain anggota Angkatan Tentera Tetap menyertai suatu skim wang simpanan. Untuk menguruskan Tabung ini, satu badan telah ditubuhkan dengan nama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Akta Tabung Angkatan Tentera telah dipinda pada tahun sudah melalui pindaan Akta 896 yang berkuatkuasa mulai 8hb Julai 1994, dan melalui pindaan tersebut, suatu Tabung baru, iaitu Tabung Bekas Perajurit diwujudkan. Tabung ini adalah bertujuan untuk membiayai aktiviti-

aktiviti penggalakkan pembangunan sosioekonomi, program kebajikan dan menyediakan faedah-faedah lain bagi anggota tentera yang akan bersara dan yang telah bersara, termasuk memberi pinjaman kepada mereka. Bersusulan daripada pengwujudan Tabung baru ini, Akta Tabung Angkatan Tentera diubah namanya kepada Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit melalui pindaan Akta 896 tersebut.

Di samping itu, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) telah juga ditubuhkan pada 30hb Ogos 1994 di bawah Seksyen 23 Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit.

Tujuannya adalah untuk melaksanakan aktiviti pembangunan sosioekonomi dan kebajikan anggota tentera yang akan bersara dan yang telah bersara. Aktiviti-aktiviti PERHEBAT dilaksanakan melalui pemberian tahunan, dengan izin, annual grant yang diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pindaan tersebut telah dilakukan, hasrat kerajaan untuk menampung sumber kewangan bagi membiayai aktiviti tersebut, dengan menggunakan wang daripada Tabung Angkatan Tentera tidak dapat dicapai oleh kerana had-had perundangan ke atas penyaluran wang dari satu tabung kepada satu tabung yang lain. Justeru itu, untuk mengatasi masalah perundangan tersebut, bagi membolehkan penyaluran wang dari Tabung Angkatan Tentera yang didapati cukup untuk membiayai aktiviti-aktiviti tersebut, maka akta ini diketengahkan untuk dipinda.

Dengan pindaan ini maka Tabung Bekas Perajurit dimansuhkan dan tujuan Tabung Angkatan Tentera diperluaskan untuk meliputi penjagaan kepentingan anggota tentera yang akan bersara dan yang telah pun bersara. Walau demikian, tujuan asal Tabung Angkatan Tentera untuk memberi faedah-faedah persaraan dan lain-lain faedah, dengan izin, super anovation and other benefits akan terus dikekalkan sebagai tujuan asal.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan ini, Rang Undang-undang ini juga akan mencadangkan supaya pemberian tahunan yang diberikan oleh kerajaan kepada Tabung Bekas Perajurit disalurkan kepada Tabung Angkatan Tentera dan melalui Tabung Angkatan Tentera kepada PERHEBAT.

Pemberian tahunan ini bolehlah digunakan bagi semua perbelanjaan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pembangunan dan sosioekonomi angkatan tentera yang berkenaan.

Selain daripada pemberian tahunan, aktiviti berkaitan dengan tujuan tambahan boleh dibiayai dari wang lain yang terdapat dalam Tabung Angkatan Tentera tertakluk kepada tiga syarat, iaitu pertama, selepas semua kewajipan tujuan utama Tabung Angkatan Tentera telah diperjelaskan. Kedua, selepas perisytiharan sesuatu dividen tahunan yang munasabah pada skim simpanan untuk penyumbang skim itu. Dan yang ketiga, adanya cukup wang yang sedia ada dalam Tabung selepas kedua-dua syarat yang disebut tadi itu dilaksanakan.

Walaupun apa pun dalam pindaan ini, PERHEBAT akan terus

bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan tujuan tambahan Tabung Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fasal-fasal di dalam Akta ini, saya merujuk kepada Fasal 5. Cadangan pindaan ini bertujuan meminda Seksyen 2 Akta dengan memasukkan takrif perkataan 'Tabung' yang bermaksud 'Tabung Angkatan Tentera'. Ini adalah bersesuaian kerana Tabung Bekas Perajurit akan dimansuhkan dan kini terdapat hanya satu tabung.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 3 Akta dengan menggantikan subseksyen 3 (1) dengan suatu subseksyen baru (1) dan memasukkan subseksyen baru (1A) (3) dan (4). Dengan pindaan ini akan wujud hanya satu tabung seperti yang sedia ada iaitu Tabung Angkatan Tentera yang akan mengambil alih tugas Tabung Bekas Perajurit. Dengan demikian, Tabung Angkatan Tentera ini mempunyai dua maksud, iaitu maksud utama dan maksud sampingan. Maksud utama Tabung ialah untuk mengurus dan menyelenggarakan faedah-faedah persaraan dan lain-lain faedah kepada anggota angkatan tetap yang merupakan pencarum kepada tabung itu seperti sekarang. Maksud sampingan pula ialah untuk menggalakkan pembangunan sosioekonomi dan kebajikan anggota tentera yang telah bersara, yang sebelum ini dilaksanakan di bawah Tabung Bekas Perajurit.

Subseksyen baru (1A) mengadakan peruntukan bagi menentukan sumber-sumber Tabung Angkatan Tentera termasuklah pemberian tahunan

daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, dengan izin, Federal Consolidated Fund. Dengan ini, bermaknalah bahawa sumber-sumber kewangan Tabung Angkatan Tentera boleh digunakan untuk membiayai semua aktiviti yang berkaitan dengan maksud sampingan Tabung tersebut termasuklah pembiayaan, perbelanjaan, pentadbiran dan lain-lain perbelanjaan yang dibuat oleh lembaga atau badan-badan lain seperti PERHEBAT.

Subseksyen baru (4) bertujuan memperuntukkan bahawa lembaga hanya boleh menggunakan lain-lain wang daripada Tabung Angkatan Tentera bagi maksud sampingan selepas ia terlebih dahulu membelanjakan wang daripada pemberian tahunan dan terdapat wang yang mencukupi selepas lembaga menunaikan obligasi-obligasi maksud utamanya termasuklah selepas diisytiharkan dividen ke atas skim simpanan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh Fasal 8 pula. Fasal 8 bertujuan membatalkan Seksyen 3A Akta. Seksyen 3A Akta yang menubuhkan Tabung Bekas Perajurit tidak lagi perlu kerana maksudnya sekarang ini dipindahkan kepada Tabung Angkatan Tentera.

Fasal 13 mengadakan peruntukan bagi pemindahan hak harta dan tanggungan, pengecualian dan peruntukan peralihan yang berlaku disebabkan oleh pemansuhan Tabung Bekas Perajurit.

Di samping itu pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah kepada perenggan

4(a), (c)(a) serta subseksyen 19(1) dan (2) serta 22B(2), (3) dan (5). Dengan pindaan-pindaan kepada peruntukan tersebut, gelaran Pengurus Besar dan Timbalan Pengurus Besar digantikan dengan gelaran Ketua Eksekutif dan Timbalan Ketua Eksekutif. Pindaan ini mencerminkan perkembangan semasa terutamanya korporat di mana tanggungjawab seperti yang diamalkan oleh Pengurus Besar di bawah Akta 101 adalah setaraf dengan seorang Ketua Eksekutif di kalangan syarikat-syarikat swasta.

Dengan pindaan-pindaan ini, gelaran Ketua Eksekutif dapat membezakan penggunaan gelaran yang sama oleh perbadanan dan anak-anak syarikat LTAT.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada Akta adalah susulan daripada pemansuhan Tabung Bekas Perajurit atau pindaan-pindaan kecil. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

5.59 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Yang di-

Pertua, dalam membahaskan Akta Tabung Angkatan Tentera ini, saya ingin memberi pandangan yang ringkas. Perkara ini kita amat alu-alukan terutama sekali untuk membantu bekas-bekas perajurit dan perajurit-perajurit yang sedang bertugas. Dalam keadaan negara yang ekonominya berkembang begitu pesat, terutama sekali faedah-faedah yang disediakan oleh pemerintah dan swasta untuk rakyat Malaysia mengejar kemajuan terutama dalam bidang ekonomi, mereka yang tidak menjadi tentera ini boleh bekerja dengan begitu keras, sama ada untuk mendapatkan saham, untuk menjaja sama ada penjaja kecil atau besar, untuk menjadi usahawan kecil dan juga berbagai-bagai perkara yang lain. Berbagai-bagai agensi membantu mereka, seperti MARA, begitu jugalah badan-badan yang lain, Tabung Pembangunan, Tabung Usahawan Bumiputera dan banyak lagi Tabung yang disediakan untuk bumiputera dan rakyat yang lain untuk maju dalam sesuatu bidang.

Tetapi tentera, bila dia menjadi tentera, dia telah pakai uniform, maka dia terikat dengan undang-undang ataupun peraturan-peraturan tentera. Oleh itu mereka tidak dapat terlibat dalam aktiviti ekonomi seperti rakyat lain terlibat. Tentera juga adalah manusia, oleh itu sudah tentulah mereka setiap hari membuat perbandingan diri mereka dengan diri kawan-kawan mereka. Kawan-kawan mereka yang berada di luar tentera, telah maju setapak ke setapak ke hadapan dan di sudut ekonomi mereka jauh ke hadapan dari segi menambah kekayaan dan pendapatan. Tetapi mereka yang berada

dalam tentera, terpaksa patuh dengan peraturan-peraturan yang ada pada tentera itu, maka mereka tidak dapat melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi. Berlakulah kekecewaan demi kekecewaan, misalnya mereka yang kita perlukan lagi tenaga mereka iaitu mereka yang berpangkat Kapten, Leftenan yang bermohon untuk berhenti dari kerja. Ini berlaku begitu ketara sekarang ini apabila pertumbuhan ekonomi dan persaingan ekonomi begitu ketara sekali berlaku di Malaysia sekarang. Oleh itu, tabung ini mestilah digiatkan dan perlu disokong untuk melihat supaya tentera-tentera kita tidak merasa tersisih ataupun bekas tentera tidak merasa tersisih dalam perkembangan ekonomi dan lain-lain lagi yang berlaku di Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan bekas-bekas tentera juga menjadi ukuran kepada generasi muda untuk menarik mereka menjadi tentera. Kalau generasi muda, generasi baru sekarang melihat bahawa bekas-bekas tentera itu hidup melarat selepas berkhidmat 10 atau 15 tahun menjadi tentera atau 21 tahun—sepenuh masa bekerja menjadi tentera sehingga mendapat pencen, tetapi selepas itu mereka terpaksa menjadi drebar teksi, menjadi 'guard' di kilang, menjadi tukang sapu dan sebagainya ataupun menjadi peneroka ketika umur sudah tua, ini sudah tentulah generasi muda sekarang ini, dari sudut ekonomi, kalau tidak ada semangat patriotik yang cukup mereka tidak mahu menjadi tentera.

Keadaan bekas perajurit ini juga menentukan sama ada generasi baru mahu menjadi tentera atau tidak.

Sekarang ini misalnya, lulus SPM atau tidak ada SPM, kalau pergi ke kilang-kilang sudah mendapat RM600—RM700. Sedangkan mereka masuk tentera sebagai 'private' mereka dapat di sekitar RM400 atau RM500, sedangkan kalau mereka bekerja di kilang dalam masa 15 tahun atau 20 tahun, mereka sudah sampai ke peringkat supervisor—boleh memiliki rumah dan sebagainya. Sedangkan kalau mereka berkhidmat dalam angkatan tentera dan tamat sebagai 'surgent' setelah berkhidmat selama 20 tahun atau 21 tahun, pendapatan mereka dan keadaan mereka begitu daif dibandingkan dengan sahabat mereka yang masuk bekerja di kilang padi.

Perkara ini serius sekarang ini, kerana kita sekarang generasi kita atau adik-adik kita, bila disebut untuk menjadi tentera mereka kurang gemar lagi, ataupun mereka menjadi tentera yang duduk di kem-kem di sekitar Kuala Lumpur, kebanyakannya terpaksa membuat 2 kerja, misalnya, adik saya sendiri—malam terpaksa menjadi drebar teksi. Begitu juga yang lain-lain terpaksa menjual kuih dan sebagainya. Kerana kita tahu mereka yang ditempatkan di kem-kem dalam bandar ini gaji mereka RM500—RM600 tidak mampu bersaing dengan keadaan perkembangan ekonomi yang berlaku di luar kem itu sendiri.

Oleh itu, tentera-tentera kita mula kecewa. Bila mereka kecewa, maka bila sedikit silap, mereka mengamuk. Berlakulah kadang-kadang kita lihat tentera tiba-tiba mengamuk, tembak ke udara, kadang-kadang bertumbuk dan sebagainya. Walaupun dahulu ini pun

pernah berlaku, tetapi mutakhir ini kegelisahan kepada tentera ini semakin menjadi-jenjadi kerana mereka lihat bahawa persekitaran mereka berubah begitu cepat sedangkan keadaan mereka masih lagi tertinggal ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Angkatan Tentera untuk menggantikan Tabung Bekas Perajurit ini memanglah baik dan memang untuk mengisi tabung ini kerajaan sekarang memperuntukkan daripada wang Persekutuan, dan memang untuk kita membina tabung ini, rakyat memang simpati kepada angkatan tentera. Sebab itulah kadangkalanya boleh dikutip wang di masjid-masjid selepas khutbah Jumaat dan sebagainya—orang ramai memang bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada pihak tentera khasnya perajurit. Yang menjadi masalah di sini ialah kompelin daripada bekas-bekas perajurit iaitu tabung-tabung yang diwujudkan selama ini kebanyakannya menguntungkan beberapa orang. kadangkalanya Lembaga Tabung Angkatan Tentera digunakan oleh orang-orang tertentu untuk naik menjadi pemimpin dalam politik, sama ada dalam pertarungan dalam UMNO, misalnya, digunakan oleh mereka yang duduk dalam Tabung Angkatan Tentera ini untuk menonjolkan diri menjadi pemimpin, sedangkan.....

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Ruhanie bin Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada sahabat saya dari

Kubang Kerian, bukan lagi Nilam Puri. Saya hendak bertanya apa yang dimaksudkan orang-orang dalam politik UMNO menggunakan bekas-bekas tentera untuk menonjolkan diri. Apa yang saudara maksudkan?

Keduanya, adakah saudara mahu menggunakan untuk dijadikan kempen menyeru supaya lebih ramai generasi muda masuk tentera.

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Memang kita lihat orang yang berkedudukan, yang disebabkan dia bekas tentera dan dia mendapat faedah-faedah dan sebagainya menggunakan kedudukan itu untuk menarik bekas-bekas tentera supaya menyokongnya seperti yang berlaku di Merbok, yang akhirnya bekas Menteri Kewangan itu merajuk.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu soalan adakah PAS hendak berkempen supaya orang masuk tentera, PAS berpendirian bahawa memang kita perlu, anak-anak kita dan adik-adik kita perlu masuk tentera, sebab perkara ini adalah perkara yang cukup penting dalam menjaga keselamatan di Malaysia dan aspek keselamatan-keselamatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu Tabung Angkatan Tentera atau Tabung Perajurit ini jangan disalahgunakan. Rungutan ini datang bukan daripada perajurit yang menyertai PAS kemudiannya, tetapi termasuklah perajurit-perajurit yang berada dalam UMNO. Mereka mengatakan bahawa persatuan kami digunakan untuk mereka mendapat kekayaan dan mereka yang berjawatan itu mencari kedudukan, rapat dengan Menteri-menteri dan sebagainya untuk

mendapatkan habuan untuk mereka, sedangkan kami bekas perajurit tidak mendapat apa-apa. Kami tidak mendapat seperti yang pemimpin-pemimpin kami dapat.

Oleh itu, saya haraplah supaya semua bekas perajurit ini didaftarkan sama ada sebelum merdeka atau selepas merdeka. Sebarang keuntungan yang dilaburkan oleh Tabung Angkatan Tentera ini hendaklah dibahagi kepada semua bekas perajurit ataupun perajurit mengikut kadar tahun mereka berkhidmat dalam tentera itu. Kalau untung walaupun RM1.00 mereka boleh mendapat nikmat daripada tabung itu, maka bekas tentera kita akan terasa bahawa mereka dihargai, sebab sekarang ini kita lihat bekas-bekas tentera yang kita jumpa, yang telah berumur 40—50 tahun, mereka kata “kami tidak mendapat apa-apa satu pun”, kadangkalanya mereka tidak tahu pun adanya tabung-tabung untuk membela mereka. Oleh itu, kita harap Kementerian Pertahanan memberitahu dan mendaftarkan mereka semua, kalau dilaburkan untung sejuta bahagilah kepada perajurit dan bekas perajurit kita mengikut kadar mereka berkhidmat yang pihak Kementerian Pertahanan boleh mengolah perkara itu supaya mereka mendapat nikmat pembangunan yang ada. Kita tidak mahu pembangunan dinikmati oleh orang lain, sedangkan para perajurit inilah yang berkorban begitu hebat untuk mempertahankan keamanan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga rungutan bekas-bekas perajurit kita. Kita berbangga dengan kita menghantar mereka ke Somalia, kita menghantar

mereka ke Bosnia, tetapi pulangnya mereka di sini mereka dipotong dengan berbagai-bagai potongan. Ada mereka yang terpaksa potong panggilan telefon sampai RM2,000—RM3,000. Mereka duduk di Bosnia bukannya mereka telefon kepada ‘girlfriend’, tetapi mereka telefon kepada isteri atau emak, tetapi pihak angkatan tentera potong juga kepada mereka. Inilah rungutan-rungutan mereka, sedangkan nama mereka dijulung dan khidmat kita di Bosnia hebat, tetapi tentera-tentera yang berkhidmat di Bosnia itu dilupai, tetapi yang diingatkan ialah menteri pada waktu itu, sedangkan perajurit-perajurit dilupai tentang khidmat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Angkatan Tentera yang dipindahkan dari Tabung Perajurit ini kita harap, oleh sebab tentera ini kita tahu mereka kebanyakannya orang Melayu, kita tidak faham kenapa kaum-kaum lain kurang gemar untuk menjadi tentera, barangkali masalah-masalah gaji dan pendapatan tadi. Kita tahu menjadi tentera sekarang pendapatan di luar berbanding dengan gaji mereka adalah terlalu rendah. Oleh itu, mereka mahu tabung mereka ini hendak dilabur ke tempat-tempat yang halal sebab daripada Tabung Angkatan Tentera ini, keuntungan yang diterima dan sebagainya, mereka gunakan untuk pergi haji, buat rumah dan sebagainya. Oleh itu, janganlah dilabur dalam kilang Carlsberg, misalnya—Lembaga Tabung Angkatan Tentera melabur di Carlsberg—kita hindarkan, sebab sekarang ekonomi telah terbuka, ada perkara yang luas untuk kita laburkan. Usahlah kita pergi ke tempat-tempat yang haram.

Begitulah juga bekas-bekas tentera, jagalah imej dan maruah—kita tidak mahu bekas Ketua Polis Negara yang begitu hebat, tiba-tiba bila pencen sekarang berkhidmat dengan Genting Bhd. yang berniaga judi—ini satu imej yang cukup jatuh kepada Bekas Ketua Polis Negara kita yang sepatutnya dia tidaklah duduk dalam syarikat Genting yang terlibat dalam perniagaan judi. Begitu juga kepada bekas-bekas tentera yang berkhidmat untuk negara ini supaya tabung mereka itu tidak dilabur di tempat-tempat yang haram.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong.

6.10 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya bangun secara ringkas untuk menyokong pindaan Akta ini dan dalam menyokong ini saya ingin menyuarakan beberapa persoalan yang membabitkan Angkatan Tentera dan juga bekas tentera.

Setiap tahun kita tahu memang ada dua, tiga kemalangan nahas udara yang membabitkan Angkatan Tentera. Persoalan mengapakah nahas itu terjadi adalah satu perkara yang akademik dan mungkin terkeluar daripada kemampuan kita untuk mencari sebab-sebabnya.

Baru-baru ini satu nahas udara berlaku di Labuan melibatkan tiga orang pegāwai, kalau tidak silap saya, terkorban dan salah seorangnya adalah sahabat karib saya yang datang dari Batu Pahat. Isterinya sekarang menjadi balu walaupun masih mengandung anak

lebih kurang 8 bulan, anak yang kedua. Di dalam perjalanan membawa jenazah allahyarham sahabat saya ke Batu Pahat, kapal terbang yang dipandu sendiri, saya diberitahu oleh Ketua Angkatan Tentera Udara, juga beroleh kemalangan dan terpaksa mendarat di Kuching.

Ini adalah membayangkan satu paradoks. Mengapakah kemalangan berlaku, saya tidak mahu tanya. Kemalangan yang membabitkan pilot-pilot, juruterbang-juruterbang yang telah menerima latihan untuk memandu kapal terbang yang lebih canggih tetapi terkorban, saya tidak mahu tanya sebabnya tetapi kapal terbang yang membawa jenazah itu sendiri, saya diberitahu, saya mungkin tersilap, yang dipandu oleh Ketua Angkatan Tentera sendiri, beroleh kemalangan. Tidakkah perkara ini menjadi satu pertanyaan yang amat besar mengapa boleh berlaku? Seumpama helikopter yang hendak mengambil Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Kangar. Hendak mengambil Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, helikopter meletup.

Jadi, ini menyebabkan satu rasa kekhuatiran yang wujud di kalangan sesetengah pemimpin kita dan kita pun bimbang bila pemimpin kita naik pesawat-pesawat Tentera Udara. Saya harap perkara ini diatasi.

Ahli-ahli Backbenchers, Wakil-wakil Rakyat di sini bersedia meluluskan apa sahaja permohonan kerajaan untuk Kementerian Pertahanan. (*Tepuk*) Bahkan Kementerian Pertahanan merupakan Kementerian yang menerima peruntukan yang kedua besarnya di

dalam senarai perbelanjaan negara tetapi perkara ini, saya harap tidak ada lagi masalah kemalangan kapal terbang dan sebagainya di mana kapal-kapal terbang yang sudah lama apabila ditanya dalam Dewan Rakyat, tidak mahu diketepikan, di kesampingkan, dengan izin, tidak mahu 'return off'.

Saya rasa perkara ini harus diatasi dengan seberapa segera supaya tidak ada perkara-perkara yang berulang. saya tahu adalah kuasa Allah S.W.T. untuk mendatangkan qada dan qadar tetapi sekiranya kita boleh berusaha untuk mengelakkan, insya-Allah, mungkin kita terhindar dari nahas-nahas yang berlaku.

Yang keduanya, saya ingin bertanya mengenai Tentera Wataniah. Semalam ada satu soalan dibangkitkan di dalam Dewan, kita mempunyai lebih kurang 80,000 tentera Wataniah. Saya pernah berpengalaman di mana tentera Wataniah yang dipanggil untuk dikerah berkhidmat sepenuh masa, sepanjang masa bermakna 'consecutively' selama 4 tahun. Apabila mereka keluar, dia mendapat sijil, pernah berkhidmat sepenuh masa selama 4 tahun umpamanya dengan tentera tetapi tidak diiktiraf oleh majlis-majlis tempatan ataupun badan-badan kerajaan yang sepatutnya mengambil kerja bekas tentera. Orang yang bekas kerja tentera Wataniah tidak disifatkan sebagai bekas tentera.

Jadi, kategori apakah orang-orang ini akan dimasukkan? Umpamanya ada jawatan 'Penguatkuasa Majlis Daerah', diberi keutamaan kepada bekas-bekas tentera. Hamba Allah yang pernah kerja 4 tahun sepenuh masa dengan Wataniah

tidak diterima. Kononnya oleh kerana Wataniah bukan tentera.

Jadi, masalah ini, 'anomalous' inilah mungkin yang menyebabkan ada sesetengah mereka yang berkhidmat dalam tentera, apabila keluar, mereka menentang kerajaan. Dalam pilihan raya yang baru lalu, saya berhadapan dengan seorang yang berpangkat agak tinggi, pernah berkhidmat di Bosnia-Herzegovina, balik, dia mengepalai gerombolan ataupun pasukan parti yang menentang kerajaan. Mengapakah hakikat ini berlaku? Memang setiap individu warganegara diberi hak untuk berbeza di dalam menentukan sandaran dan pilihan politiknya tetapi mengapakah orang yang memang berkhidmat untuk menegakkan kedaulatan negara, keselamatan negara dan sebagainya apabila tukar uniform, buang uniform, dia menentang kerajaan.

Elemen psikologi ini harus dikaji. Kita tahu tentera adalah amat menitik beratkan masalah disiplin, peraturan, 'regulation' dan undang-undang. Masalah 'human factor' harus diambil kaji. Di dalam ketenteraan mereka mempunyai kekecewaan yang banyak juga. Saya tidak tahu mengapa. Apabila ahli-ahli dari pembangkang mengatakan semua undi pos daripada markas tentera menyokong kerajaan, tidak betul. Terbukti tidak betul. Jadi, jangan membuat tuduhan itu.

Tetapi yang saya kata anihnya, mengapa orang yang menyokong kerajaan, orang yang berjuang mati-matian untuk menegakkan kedaulatan negara apabila terkeluar dari jawatan itu, mereka menentang kerajaan. Jadi, saya

30 OGOS 1995

harap perkara ini dapat pihak Menteri Pertahanan atau timbalannya untuk menyasiat perkara-perkara ini.

Akhir sekali, saya ingin bertanya mengenai Tabung Kebajikan Tentera. Dahulu dipanggil Tabung Angkatan Tentera dan Bekas Perajurit. Sekarang ini hanya mahu diselaraskan sebagai Tabung Angkatan Tentera. Jadi, selalunya bekas-bekas perajurit ini, di kawasan saya sendiri ada tiga kumpulan bekas perajurit. Mereka langsung tidak dapat satu 'patronage' atau payungan daripada badan yang teratas. Kita ada PERHEBAT sekarang, telah diperhebat. Dia hendak tulis surat pun tidak dilayan. Dia mengaku dengan saya, sampai hendak minta baju uniform untuk 70 ahli, terpaksa pergi buat kutipan.

Jadi, saya harap Persatuan Bekas Tentera (PERHEBAT), jangan sahaja menitik beratkan dan memfokuskan masalah kebajikan ekonomi orang-orang itu apabila keluar. Apabila keluar, dia diberi satu kursus penyesuaian di mana mereka akan diberi kursus-kursus yang sesuai dengan pilihan masing-masing tetapi bagaimana yang sudah tua-tua itu? Yang sudah berumur 50 tahun, 60 tahun, sekarang ini aktif di peringkat sosial, di peringkat masyarakat dan oleh kerana bangga dengan alam ketenteraan, mereka menubuhkan Persatuan Bekas-bekas Perajurit atau Persatuan Bekas-bekas Tentera. Keadaan mereka daif. Orang-orang ini masih boleh digunakan sebagai mata dan telinga. MIO boleh digunakan mereka.

Oleh kerana orang ini memberi maklumat yang tepat dalam segala masalah perisikan yang diperlukan oleh

pihak pemerintah sekiranya diperlukan, tetapi orang ini dilupakan ataupun terlupa untuk diingati oleh pihak Angkatan Tentera.

Mungkin Timbalan Menteri melihat masalah ini remeh, tetapi masalah ini kepada saya adalah besar kerana orang-orang ini orang yang berjiwa besar. Mereka di kampung sentiasa menggalakkan, kalau tidak dapat kerja lain, dia masuk tentera. Ataupun, tak usah pilih kerja lain, you masuk tentera. Oleh kerana sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena dalam ucapan penagguhan ini, kita melihat satu kelayuan semangat anak-anak muda hendak masuk tentera.

Jadi, saya harap perkara yang saya sebutkan akan mendapat perhatian yang berat daripada pihak kerajaan. Walau apa pun, perkara ini kepada saya adalah perkara yang besar dan saya rasa mereka harus diberi satu pembelaan yang sewajarnya oleh pihak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Larut.**

*6.22 ptg.*

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dikatakan tentera, maka nyatalah maknanya berkorban apa sahaja, harta ataupun nyawa. Itulah bandingan nilai

sumbangan dan pengorbanan para perajurit dan anggota tentera kita. Di mana sahaja mereka ditugaskan dan pada saban masa, tidak kira waktu siang malam, waktu aman atau tegang. (*Ketawa*) di kala semua rakyat bergembira di tengah-tengah kemesraan berkeluarga, para perajurit semacam disisihkan dari kemeriahan, diulit kesepian dan kerinduan pada yang tercinta demi tugas pada watan dan nusa tercinta, sama ada di Somalia ataupun di Bosnia-Herzegovina.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Wangsa Maju bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Saya hendak beri laluan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, inilah secebis senario dari pelbagai insiden suka-duka dan pahit-getir yang harus dilalui oleh para pejuang dan pembela maruah negara dari ancaman dalam dan luar negara.

Banyak yang telah dicanang dan dilaungkan demi memperbaiki taraf hidup dan nasib para perajurit dan anggota tentera kita. Kini, sekali lagi berhadapan dengan tanggungjawab dan komitmen untuk merubah nasib dan masa depan anggota tentera kita, lebih-lebih lagi mereka yang telah bersara, untuk menikmati suasana hidup yang lebih terjamin, lebih selesa dengan harapan yang lebih baik dan membahagiakan. Bukan hanya bagi mereka yang berpangkat tinggi bila

bersara, bahkan seluruh anggota, tidak kira pangkat, perlu mendapat manfaat hasil dari keringat mereka mengamankan negara dan pengorbanan mereka di bawah panji Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, langkah meminda Akta ini bagi menyatukan kedua-dua tabung di bawah Tabung Angkatan Tentera memang kena pada masanya, sesuai dengan perubahan masa dan kepesatan ekonomi negara yang kesemuanya mengorak dan bergerak ke suatu dimensi serba baru.

Tuan Yang di-Pertua, banyak faedah yang dapat diraih daripada tabung ini di mana antaranya, faedah persaraan dan faedah bagi para pencarum yang lebih meluas. Di samping itu, pemberian dalam bentuk wang disatukan, keuntungan dari pelaburan, perusahaan dan aktiviti sosioekonomi dan pelbagai lagi, dapat mengukuh dan memperluaskan dana dan aktiviti sosio-ekonomi yang diceburi dan disumbangkan kembali kepada para ahlinya, termasuk anggota yang akan bersara dan yang telah bersara.

Pada masa ini, banyak perajurit, bila berjumpa, sentiasa meminta derma untuk mesyuarat atau perjalanan hendak pergi mesyuarat atau lain-lain. Penambahan subseksyen baru (1A) (3) dan (4) kesemuanya bertujuan untuk memberikan faedah yang lebih bermakna dari segi peruntukan faedah persaraan dan juga faedah kepada anggota angkatan tetap yang merupakan pencarum kepada tabung ini. Di samping itu, faedah seperti pinjaman kepada para personel dapat disediakan

di bawah tabung ini kerana anggota tentera juga perlukan kemudahan pembiayaan untuk kegunaan keluarga dan juga pinjaman kewangan untuk diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Tabung Angkatan Tentera dapat memanfaatkan semua lapisan anggota tentera, sama ada yang masih berkhidmat, yang akan bersara dan yang telah meninggalkan perkhidmatannya yang akan turut dirasakan oleh kaum keluarga masing-masing.

Kita tidak mahu tercetus di hati sebahagian anggota tentera, perasaan tidak puas hati apabila sebahagian kecil anggota yang disifatkan sebagai 'anak emas' kerana berpeluang berkhidmat pada misi-misi tertentu mendapat segala kemudahan semasa dan selepas mengalami tragedi. Perasaan tidak puas hati ini, jika tidak diatasi dengan cara baik, atau melahirkan situasi negatif yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu, dan untuk tujuan-tujuan lain, pada tafsiran masing-masing anggota, maka Tabung Angkatan Tentera yang akan wujud ini dirasakan dapat menampung mana yang kurang dan memperbaiki mana yang pincang bagi membawa seberapa banyak faedah dan mengatasi segala persoalan yang menghimpit perasaan.

Tuan Yang di-Pertua, perluasan sumber kewangan dana ini tidak syak lagi akan membuka ruang lebih segar dan meyakinkan bagi penglibatan yang bakal membawa pelbagai keuntungan, sama ada dari segi angka dan benda, untuk merubah taraf hidup anggota

tentera supaya berdiri sama tinggi' dan 'duduk sama rendah' dengan pelbagai lapisan ahli masyarakat yang selama ini telah menikmati pelbagai kemudahan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ini kita akan melihat kebajikan dan kepentingan para perajurit dan keluarga mereka akan lebih terpelihara dan terangkat mertabatnya, melepasi masa silam dan semoga laungan mereka semua lebih didengari, kini telah bersahut dan diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak yang berkenaan.

Oleh itu, saya memohon Rang Undang-undang ini, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Tambun.**

*6.27 ptg.*

**Tuan Haji Husni bin Hanadzlah (Tambun):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menyokong pindaan Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973.

Saya ingin menyentuh tentang Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang wujud daripada Akta tersebut. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada LTAT kerana mengikut Penyata Kewangan pada tahun 1993 yang telah dikemukakan ke Dewan ini, LTAT memiliki aset lebih daripada RM12 bilion di peringkat kumpulan dan RM9.5 bilion di peringkat LTAT. Ini menunjukkan kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh LTAT di dalam kegiatan pelaburan dan pelaksanaan projek-projek.

Saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai seksyen 3 Akta tersebut yang

menyatakan antara lain adalah untuk mengadakan faedah persaraan bagi anggota tentera dan kedua, untuk menggalakkan pembangunan sosio-ekonomi dan kebajikan pesara-pesara.

Seperti mana yang saya katakan tadi, saya merasa bangga dan kagum di atas kejayaan LTAT dalam kegiatan pelaburan dan projek. Dengan itu, mereka telah dapat membiayai pemberian dividen sebanyak 12% pada tahun tersebut. Tetapi, saya merasa dukacita, di dalam analisa imbalan penyata kira-kira tersebut, saya dapati bahawa seksyen 3 mengenai menggalakkan pembangunan sosio-ekonomi dan kebajikan pesara-pesara tidak banyak dijalankan.

Pesara tentera dan polis ini adalah orang-orang yang telah terlatih. Kalau kita masih ingat di dalam sejarah negara Jepun, apabila Emperor Meiji memutuskan untuk menjadikan Jepun sebuah negara maju dan perindustrian yang boleh bersaing dengan dunia Barat, golongan-golongan Samurai inilah yang telah memainkan peranan menubuhkan syarikat-syarikat yang berjaya sehingga sekarang.

Saya dapati di kalangan pesara tentera, ada mereka yang mempunyai kebolehan umpamanya dalam bidang mekanik. Tetapi oleh kerana tidak mendapat bantuan, mereka berusaha untuk mencari pekerjaan dan bekerja sebagai buruh dikedai-kedai mekanik yang dimiliki oleh orang-orang bukan Melayu yang terdapat di bandar Ipoh.

Saya percaya bahawa LTAT harus memainkan peranan besar ke arah membangunkan golongan usahawan. Umpamanya LTAT terlibat di dalam banyak projek-projek perumahan. Tidakkah boleh, melalui projek-projek ini, dijalankan program vendor dengan memberi kontrak-kontrak yang termampu oleh bekas-bekas tentera yang mempunyai syarikat-syarikat yang mempunyai kelas E, D, dan C untuk mengambil bahagian di dalam projek-projek tersebut.

Begitu juga dengan pemberian modal. Seperti mana saya memberi contoh tadi, seorang yang mempunyai kemahiran dalam bidang mekanik, sekarang ini pihak EON ataupun HICOM mengadakan program perintis untuk bidang mekanikal yang mana bekas tentera yang mempunyai kebolehan dalam bidang mekanikal ini boleh mengambil bahagian, tetapi tidak mempunyai modal. Kalau ada modal pun, terlampau kecil untuk membuka kedai yang boleh bersaing dengan syarikat-syarikat besar yang telah mempunyai pengalaman yang banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat diminta sambungan pada hari Isnin.

**Tuan Haji Husni bin Hanadzlah:** Saya akan sambung. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin, 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*